

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

“KITA perlu menyemai sikap suka membina diri, rajin dan gigih, berjiwat-cermat dan melabur untuk masa depan. Kerana itu kita mesti memberikan tumpuan kepada kemajuan pendidikan. Di bidang ini alhamdulillah, kita telah banyak mencapai kemajuan. Pelaburan dan infrastruktur pendidikan kita adalah antara yang terbaik. Secara relatif, peratus rakyat kita yang mempunyai pendidikan tinggi adalah antara yang tertinggi di dunia. Kadar celik huruf kita juga sangat tinggi.”

- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada 13 Syaaban 1432H / 15 Julai 2011M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“... DAN janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hujuraat ayat 11).

TAHUN 59 / BILANGAN 102

16 OGOS 2014 / 1435 شوال 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

68

15 Julai 2014

دولت كباو دولي توان قاتيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Brunei sasar 'kuasa ekonomi' ke-10 teratas di dunia

Oleh : Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Negara meletakkan objektif dalam bidang ekonomi sebagai sebuah 'kuasa ekonomi' dinamik yang mampu untuk menduduki tempat ke-10 teratas di dunia dari segi pendapatan per kapita.

“Ini bererti, kita adalah dikehendaki untuk meningkatkan pendapatan negara ke tahap BND80 bilion menjelang tahun 2035, berbanding hanya BND20 bilion sahaja ketika ini. Ini juga turut merujuk kepada ekonomi negara supaya ia dapat tumbuh sekitar 5 ke 6 peratus setahun,” Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun di Istana Nurul Iman, di sini.

Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melahirkan harapan supaya semua pihak dalam kerajaan dan swasta akan dapat melipatgandakan usaha masing-masing untuk mencapai sasaran berkenaan.

Ke muka 24

Penubuhan Majlis Wawasan 2035 diperkenan

Oleh :
Mohd. Rainie Haji Durani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenalkan penubuhan Majlis Wawasan 2035 bagi memantapkan agenda pembangunan negara.

Semasa bertitah baginda menjelaskan, majlis berkenaan akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara dan Unit Penggerak di Jabatan Perdana Menteri.

“Peranan utama majlis ini ialah untuk

membantu secara intensif dan sistematik pelaksanaan usaha-usaha agensi-agensi kerajaan beta dalam merealisasikan hasil pencapaian objektif-objektif Wawasan 2035,” Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-68 Tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman.

Menyentuh mengenai infrastruktur Kebawah DYMM bertitah, Pelan Induk Pengangkutan Darat telah pun siap disediakan, di mana ia akan menyediakan jaringan perkhidmatan jalan raya yang efisien. Selain itu, pelan berkenaan juga mengandungi *blueprint* kemajuan ekonomi di bawah sektor tersebut.

Baginda bertitah, projek bagi meningkatkan

infrastruktur pelabuhan dan memodenisasikan lapangan terbang yang sedang berjalan pula akan membuka luas pengkomersialan perkhidmatan-perkhidmatan di bawahnya, bagi menjana lebih banyak lagi peluang perniagaan dan pekerjaan.

Sementara itu, pihak kerajaan juga akan terus memberikan perhatian dalam bidang kesejahteraan khususnya bagi menangani jenayah. Dalam hal ini, baginda bertitah mengingatkan mengenai ancaman siber yang berbahaya terutama kepada kanak-kanak.

Baginda dalam titah menjelaskan bahawa Kementerian Perhubungan sedang giat merangka kerja-kerja untuk ‘Child Online Protection’ bagi melindungi kanak-kanak yang menggunakan *internet* daripada terdedah kepada pengaruh-pengaruh negatif dan ancaman jenayah siber.

Ke muka 12 dan 13



Muka 16 dan 17

MAJLIS Persantapan Sempena
Ulang Tahun Hari Keputeraan

Transformasi pendidikan IPT swasta

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir ke Majlis Konvokesyen Laksamana College of Business pada hari ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada setiap graduan yang telah pun berusaha dengan gigih dan penuh dedikasi sehingga meraih kejayaan sebagaimana yang kita saksikan pada hari ini. Tidak lupa juga, tahniah saya ucapkan kepada ibu bapa / penjaga di atas pengorbanan, sokongan dan doa dalam sama-sama memastikan kejayaan anak-anak mereka.

Saya dimaklumkan bahawa semenjak penubuhan Laksamana College of Business pada tahun 2003, kolej ini telah berjaya memberi peluang kepada kira-kira lebih 2,200 orang pelajar tempatan dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian mereka. Dari jumlah ini, lebih kurang seramai 5 - 50 orang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di universiti-universiti United Kingdom yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Laksamana College of Business.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Laksamana College of Business di atas sumbangan mereka dalam memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di luar mahupun di dalam negara.

Saya berharap para graduan telah memanfaatkan peluang dalam tempoh pengajian mereka untuk mengembangkan tahap keyakinan diri, kreativiti, kualiti kepimpinan dan juga menanamkan minda yang terbuka mengenai pilihan-pilihan kerjaya yang boleh diterokai seperti antaranya menceburi bidang keusahawanan.

Menyentuh mengenai dengan keusahawanan, salah seorang ahli pemikir abad ke-20, iaitu Peter Drucker, telah menggambarkan bahawa kita sedang beralih dari satu masyarakat yang dipanggil sebagai 'Employee Society' kepada 'Entrepreneurial Society', yakni dari masyarakat yang selesa untuk terus bergantung kepada orang lain kepada masyarakat yang berdikari dan berkeupayaan untuk membuka peluang pekerjaan kepada orang lain. Tuntutan perubahan ini memerlukan bagi kita untuk lebih bertanggungjawab dalam menentukan masa depan kehidupan kita sendiri.

Seterusnya, Peter Drucker juga menyatakan bahawa 'Keusahawanan' bukanlah satu magik, bukan misteri dan tidak ada kena-mengena dengan keturunan. Malah ianya adalah merupakan satu disiplin, boleh dipupuk dan dipelajari. Dalam hal ini, sistem pendidikan memainkan peranan dalam sama-sama memupuk semangat dan minda mengenai keusahawanan. Profesor Steve Gold, Professor of Entrepreneurship, Babson College, USA menekankan perlunya kita menanamkan mindset keusahawanan dalam usaha memupuk dan melahirkan usahawan. *"Entrepreneurial Mindset is 'taught' by facilitating real life experience and accomplishment". "Today is our investment in tomorrow. Build confidence, teach a mindset of smart experimentation; create a love of entrepreneurship"*.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap di Laksamana College of Business Graduation Ceremony 2014, pada hari Khamis, 11 Syawal 1435 Hijriah bersamaan 7 Ogos 2014 Masihi, bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Dalam hubungan ini, institusi-institusi pengajian tinggi swasta juga memainkan peranan yang sama pentingnya dalam sama-sama mengasuh dan memupuk kemahiran keusahawanan demi melahirkan sumber tenaga manusia yang kreatif dan berdaya saing. Sehubungan ini, perhatian sewajarnya perlu diberikan bagi memastikan program yang ditawarkan menepati keperluan negara dan selari dengan kehendak semasa. Ia juga hendaklah dimantapkan lagi dengan menerapkan amalan-amalan terbaik atau *best practices* seperti aplikasi teknologi, melaksana pedagogi pengajaran dan pembelajaran terkini, dan kurikulum yang mantap. Saya berharap, pihak kolej juga dapat memberi pendedahan melalui pengajaran beberapa kajian kes sebenar (*real case studies*) di mana para pelajar menghasilkan pendekatan-pendekatan penyelesaian dari pelbagai perspektif atau pendekatan.

Selain itu, usaha-usaha ini perlu disokong dengan memperkenalkan piawaian (*standard*) dan sistem akreditasi kemahiran yang mana akan dapat membantu meningkatkan prospek kerjaya dan kemahiran pelajar. Usaha-usaha seperti ini akan memastikan kualiti institusi-institusi pendidikan termasuk Laksamana College of Business untuk terus mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu kolej yang relevan kepada keperluan industri dan juga komuniti dan perniagaan.

Mengenai perkembangan pendidikan teknik, alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi baru-baru ini, telah memperkenankan Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2013 dan Kertas Putih Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelan Menarik Taraf Pendidikan Teknikal Brunei Darussalam

2013 - 2018. Melalui transformasi ini, para pelajar akan memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang sejajar dengan kehendak industri, dan mempunyai nilai bagi pembelajaran sepanjang hayat serta prasarana latihan yang kondusif.

Sehubungan ini, beberapa perubahan utama akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dalam Sistem Pendidikan Teknikal Brunei (Brunei Technical Education) seperti penyusunan semula kursus (*restructuring of courses*) memperluaskan bagi pilihan-pilihan perantisan (*apprenticeship*), membuka lebih banyak peluang bagi menaik tahap (*more progression opportunities*), menaik taraf persekitaran latihan, memperkenalkan Skim Perkhidmatan Perguruan yang baru dan penamaan semula Jabatan Pendidikan Teknik dan institusi-institusi vokasional.

Perubahan dalam penyusunan semula kursus menggariskan bagi semua program-program yang ditawarkan direviu dan dikemaskinikan lagi bagi memastikan penawarannya adalah didorong oleh permintaan (*demand driven*) dan bukan didorong bekalan (*supply driven*). Kurikulumnya pula dibentuk berdasarkan kepada kecekapan (*competency-based*) dan penekanan kepada kaedah *hands-on* atau yang bersifat belajar secara praktikal. Kemahiran para pelajar disejajarkan dengan keperluan industri dan kerjasama rapat dengan pihak tersebut akan setentunya memperluaskan lagi pilihan-pilihan perantisan (*apprenticeship*) dan membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk menaik tahap pendidikan mereka. Bagi mendukung usaha-usaha ini, persekitaran latihan juga dinaik taraf dan dalam pada masa yang sama Skim Perkhidmatan Perguruan yang baru akan meningkatkan lagi motivasi dan memantapkan tahap profesionalisme para pendidik. Dengan perubahan-perubahan yang sedemikian, sewajarnya akan dapat mengangkat imej dan menyusun semula pendidikan teknik dan vokasional sebagai institusi-institusi pendidikan pasca menengah.

Berdasarkan potensi bekalan lepasan sekolah dan unjuran kadar pengambilan pelajar, Sistem Pendidikan Teknikal Brunei perlu membangunkan kapasiti latihan sepenuh masa dengan menawarkan 8,000 tempat bagi pelajar dalam tempoh tujuh tahun mendatang.

Berkaitan dengan pelaksanaan Transformasi Pendidikan Teknik ini, institusi-institusi pengajian tinggi swasta tidak akan terkecuali di dalam sama-sama melaksanakan transformasi pendidikan teknik dan vokasional yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, saya berharap agar kolej ini dan semua institusi-institusi pendidikan swasta yang lain dapat memberikan kerjasama dan sokongan yang padu supaya matlamat ransformasi ini dapat dicapai. Seterusnya, kita akan sama-sama mengorak langkah dalam mentransformasi kualiti sistem pendidikan khususnya dalam bidang teknik di negara ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan dan semoga berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Dalam masa yang sama, saya ingin menyeru para graduan untuk tidak mengehadkan ruang mereka dengan mencari pekerjaan di sektor kerajaan ataupun swasta sahaja tetapi turut berani mencuba meneroka peluang-peluang keusahawanan di cabang kelulusan yang dimiliki.

Dari Sidang
Pengarang.

16 OGOS 2014 BERSAMAAN 1435 19 شوال

EKONOMI NEGARA BERKEMBANG DENGAN BAIK

ALHAMDULILLAH, Negara Brunei Darussalam pada 14 Ogos 2014 telah merafakkan syukur ke hadrat Ilahi kerana sekali lagi rakyat dan penduduk di negara ini turut sama menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penuh gilang-gemilang dan beradat istiadat.

Bersempena sambutan perayaan tersebut pelbagai acara dan program telah diaturkan yang memberikan manfaat dan kegembiraan yang tidak terhingga bagi semua lapisan masyarakat yang bernaung di negara ini. Acara penuh adat istiadat ini dimulai dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan yang disembahkan oleh para pegawai dan kakitangan beruniform yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, yang juga menandai bermulanya acara-acara dan program sempena perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun.

Setelah selesai Istiadat Perbarisan Kehormatan, juga berlangsung Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam dengan diselajarkan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun, yang antara lain menekankan tentang bidang ekonomi yang sedang memberi tumpuan kepada mempelbagai dan menaikkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi.

Ini termasuklah antara lain bagi memudahkan kemasukan Pelaburan Langsung Asing dalam pelbagai sektor, memajukan sektor swasta, memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan iklim 'pro-business'.

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melahirkan rasa gembira mengenai inisiatif untuk menarik 'Foreign Direct Investment (FDI) yang berkualiti ke negara ini, yang sudah pun menampakkan tanda-tanda pencapaian awal yang positif.

Menyentuh sektor hiliran minyak dan gas, baginda bertitah Pulau Muara Besar kini telah pun mula dimajukan bagi penyediaan tapak projek pembinaan kilang penapisan minyak bersepadu atau 'integrated oil refinery' dan industri-industri berkaitan yang menjanjikan banyak peluang pekerjaan.

Sementara itu, sebuah kilang pembuatan ubat atau 'pharmaceutical manufacturing plant' yang beraraf dunia telah pun siap dibina dan kini sudah mula beroperasi.

Selain itu, sebuah syarikat terkemuka antarabangsa dalam bidang 'simulation training' juga telah membina 'Multi-Purpose Training Centre' sebagai pusat latihan utamanya di rantau ini yang telah beroperasi di negara ini.

Manakala 'Bio Innovation Corridor' (BIC), seluas 500 hektar bagi menarik pelaburan dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R & D), pembuatan dan komersial merupakan sektor berpotensi untuk memantapkan lagi ekonomi serta mampu membuka peluang-peluang pekerjaan secara lebih meluas.

Di samping itu, negara meletakkan objektif dalam bidang ekonomi sebagai sebuah 'kuasa ekonomi' dinamik yang mampu untuk menduduki tempat ke-10 teratas di dunia dari segi pendapatan per kapita.

"Ini bererti, kita adalah dikehendaki untuk meningkatkan pendapatan negara ke tahap BND80 bilion menjelang tahun 2035, berbanding hanya BND20 bilion sahaja ketika ini. Ini juga turut merujuk kepada ekonomi negara supaya ia dapat tumbuh sekitar 5 ke 6 peratus setahun," titah Kebawah DYMM.

Oleh itu, baginda telah melahirkan harapan supaya semua pihak dalam kerajaan dan swasta akan dapat melipatgandakan usaha masing-masing untuk mencapai sasaran berkenaan.

Semoga bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68 tahun ini, rakyat dan penduduk di negara ini berasa gembira dan menadahkan rasa syukur yang berterusan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar negara dalam keadaan yang aman dan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!' - **Ketua Penyuntingan (Md).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyy Haji Arifin
Muhammad Arif Matali

Ketua Penyuntingan

Mohammad Rainie Haji Durani,
Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahaniyah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,

Penterjemahan

Hajah Musmariyani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C 24 °C	31 °C 25 °C	31 °C 24 °C
MUARA		
31 °C 25 °C	32 °C 25 °C	32 °C 24 °C
PEKAN BANGAR		
30 °C 24 °C	31 °C 24 °C	31 °C 24 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C 25 °C	32 °C 24 °C	32 °C 25 °C
PEKAN SERIA		
31 °C 24 °C	31 °C 24 °C	32 °C 25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C 24 °C	32 °C 24 °C	32 °C 24 °C
Walaupun Binasabab		
Sumber : Perkhidmatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam Jabatan Penerangan Awam Telefon : 2330142 sambungan 1988/1551 atau Talian Cuaca : 114		

Brunei Darussalam ikat Viet Nam 2-2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan pasukan Negara Brunei Darussalam bertemu dengan pasukan Viet Nam. Juga berangkat menyaksikan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



kedudukan selepas lorongan bola-nya kepada Md. Aminuddin gagal dilakukan sempurna selepas gerakan mereka cepat dihidu penjaga gol Viet Nam, Tran Minh Toan.

Pasukan Brunei Darussalam menyamakan kedudukan selepas sepakan percuma yang dilakukan oleh Adi Said gagal diselamatkan oleh penjaga gol, Viet Nam untuk menjadikan 1-1.

Kealpaan benteng pertahanan memberi padah kepada pasukan negara apabila Hoang Thanh Tung berjaya merobek gawang pada minit ke-48 menerusi gerakan solonya dari sebelah kiri gawang Brunei Darussalam.

Dengan melakukan pertukaran pemain memasukkan Abdul Azim mengeluarkan Awangku Yura pada minit ke-56 sedikit sebanyak memperkuat barisan serangan pasukan negara sehinggalah pada minit ke-75, Adi Said sekali lagi menjaringkan gol untuk menyamakan kedudukan selepas menerima lorongan bola Abdul Azim.

Dengan terikat 2 - 2 pasukan negara mengutip 7 mata bersama Viet Nam di tangga teratas dan Malaysia yang baru bermain tiga kali di tangga ketiga juga mengutip 7 mata.

Ketua Jurulatih Pasukan Viet Nam, Guillaume Graechen, berpuas hati dengan kedudukan tersebut sekalipun merasa sedikit kesal atas kemasukan jaringan pasukan Brunei disebabkan oleh kesilapan penjaga golnya.

Beliau juga mengucapkan tahniah di atas gandingan Md. Azim dan Adi Said yang telah berjaya menjadikan perlawanan malam ini sungguh menarik dan berkata jika pasukan tuan rumah masih mengekalkan pemain-pemain yang ada pada masa ini tidak mustahil pasukan Brunei sukar dikalahkan.

Di atas keputusan seri itu Pengurus Pasukan tuan rumah, Awang Haji Feisal bin Haji Eusoff mengucapkan rasa hormat kepada para pemain kerana telah mempersembahkan permainan yang baik walaupun sebahagian mereka masih mengalami kekejangan otot.

Jelasnya, dengan jadual permainan yang ketat para pemain sebetulnya masih letih kerana cuma diberikan satu hari rehat sebelum bermain dengan pasukan seterusnya.

Walau bagaimanapun, beliau menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja yang lain di atas berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut yang secara langsung menurutnya, membakar semangat para pemain Negara, di samping kehadiran para penyokong yang tidak kendur-kendur memberi sokongan padu buat pasukan negara.

Perlawanan seterusnya pasukan negara akan menentang pasukan Malaysia.

Oleh : Abu Bakar Haji
Abdul Rahman
Foto : Masri Osman,
Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Ogos. - Pasukan Negara Brunei Darussalam menduduki tempat kedua dalam Kumpulan 'B' Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN 2014, Trofi Hassan Bolkiah selepas terikat 2 - 2 dalam perlawanan keempat mereka malam tadi di Stadium Negara Hassan Bolkiah, Berakas di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.

Juga berangkat menyaksikan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adat Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berserta kerabat diraja yang lain.

Pasukan Viet Nam yang terbilang dengan gerakan pantas mendahului pasukan tuan rumah pada minit ke-9 melalui rembatan kencang kaki kiri Nguyen Phong Hong Duy di luar petak 'D', namun penyerang pasukan negara Adi Said yang sering dibayangi sekurang-kurangnya dua pemain pertahanan Viet Nam menyulitkan untuk beliau melepaskan daripada rantaian tersebut untuk melakukan sebarang percubaan.

Pada minit ke-36 umpanan Md. Asnawi hampir menyamakan

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ketika berangkat menyaksikan perlawanan (atas kiri).

SEBAHAGIAN daripada aksi menarik pertemuan pasukan Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam (kiri dan bawah kiri).



SEBAHAGIAN penyokong pasukan tuan rumah menyuntik semangat pemain.

EAS bincang persiapan Sidang Kemuncak



NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR, Ahad, 10 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) yang dipengerusikan oleh Menteri Hal

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar

Ehwal Luar Negeri Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Wunna Maung Lwin, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar, di sini.

EAS terdiri daripada negara-negara ASEAN, Australia, Republik Rakyat China, Jepun, India, New Zealand, Republik Korea, Rusia dan Amerika Syarikat telah ditubuhkan pada tahun 2005.

Pada mesyuarat tersebut para Menteri-Menteri Luar membincangkan mengenai susulan pelaksanaan program-program EAS Ke-8 yang diadakan pada bulan Oktober 2013.

Mesyuarat tersebut juga membincangkan persiapan bagi EAS Ke-9 yang akan diadakan di Nay Pyi Taw, Myanmar pada November 2014 selain bertukar-

tukar pandangan mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau.

EAS adalah platform bagi para pemimpin membincangkan skop strategik meluas dalam isu-isu politik dan ekonomi bagi kepentingan bersama yang membawa keamanan, kestabilan dan kemakmuran di Asia Tenggara.

Segala usaha EAS dalam pembinaan komuniti di rantau ini akan terus konsisten dengan adanya pengukuhan realisasi Komuniti ASEAN sebagai nadi utama dalam kerjasama rakan dialog EAS yang lain.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Wunna Maung Lwin, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar.



Nay Pyi Taw, Myanmar, 10 August 2014



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan begambar ramai bersama menteri-menteri luar ASEAN dan perwakilan dari Australia, Republik Rakyat China, Jepun, India, New Zealand, Republik Korea, Rusia dan Amerika Syarikat.

Logo Forum Bencana Rantau ASEAN dilancarkan

NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR, Ahad, 10 Ogos.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Pelancaran Logo Forum Bencana Rantau ASEAN yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar.

Sejurus Majlis Pelancaran tersebut, Duli Yang Teramat Mulia

berkenan berangkat bersama para Menteri Luar ASEAN bagi menghadiri Sesi Retreat ARF.

Juga hadir menyaksikan Majlis Pelancaran tersebut ialah para perwakilan Menteri-Menteri Luar negara-negara anggota ARF.

Masjid tempat menyatupadukan penduduk



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir pada majlis doa kesyukuran di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis. - Foto : Hernie Suliana Hj Othman.

Oleh : Abu Bakar Hj Abd Rahman

KAMPUNG MADANG, Ahad, 10 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, pembinaan masjid adalah bukti jelas mercu tanda syiar Islam di negara ini selain bukan saja dapat menyediakan kemudahan beramal

ibadat bagi penduduk-penduduk kampung tetapi lebih utama dapat menyumbang ke arah menyemarakkan syiar Islam di negara ini.

Beliau yang juga selaku Pengerusi Pemegang Amanah Pembinaan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis menjelaskan masjid juga akan

dapat berfungsi sebagai tempat yang dapat menyatupadukan penduduk dari kedua-dua buah kampung iaitu Kampung Manggis dan Kampung Madang untuk melaksanakan rancangan yang berkebajikan dan tempat pengembangan ilmu.

Yang Berhormat melahirkan hal itu ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Pembukaan Masjid Baru Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit di masjid berkenaan.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga mengucap-

kan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam pembinaan masjid berkenaan.

Majlis dianjurkan oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Doa Kesyukuran Sempena Pembukaan Masjid Baru Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang, di sini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil serta doa kesyukuran sebelum diteruskan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Selesai sembahyang berjemaah, majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada penderma-penderma.

Kerja-kerja pembinaan bangunan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit telah bermula pada 12 Julai 2012 dan siap sepenuhnya pada tahun ini di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 dan sebahagiannya hasil sumbangan dari pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bank Islam Brunei Darussalam

(BIBD) dan sumbangan orang ramai dengan menelan belanja kira-kira BND4.9 juta.

Keseluruhan kapisiti masjid ini boleh menampung lebih kurang 2,400 orang jemaah yang menyediakan kemudahan-kemudahan seperti Dewan Sembahyang Utama bagi lelaki dan perempuan, Bilik Mesyuarat, Bilik Pegawai Hal Ehwal Masjid, Bilik Imam/Bilal, Dewan bilik Tetamu Khas / VIP, Bilik Serbaguna, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan dan IT, Bilik PA System, Bilik Stor, Bilik Pengurusan Jenazah, Bilik Dapur, Bilik Air dan tempat berwuduk bagi jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Kukuhkan kerjasama bidang kebeliaan, kesukanan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima kunjungan hormat dari Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Kanjeng Raden Mas Tumenggung Roy Suryo dan rombongan, bertempat di Pejabat Yang

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima kunjungan hormat dari Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Kanjeng Raden Mas Tumenggung Roy Suryo.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Jalan Kebangsaan, Berakas, di sini.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua pihak bertukar pandangan bagi mengukuhkan bidang kebeliaan dan kesukanan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Turut bersama rombongan Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia ialah Deputy Bidang Harmonisasi dan Kemitraan, Bapak Profesor Dr. Faisal Abdullah dan Staf Khusus, Kementerian Pemuda dan Olahraga republik berkenaan, Bapak Heru Nughroho St.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Samat dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

TYT dan rombongan yang dalam rangka lawatan kerja ke negara ini juga berkesempatan menyaksikan perlawanan bola sepak antara Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Republik Indonesia dalam Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah 2014 (HBT 2014).

Tingkatkan keupayaan juruaudit



ANTARA peserta terdiri daripada Juruaudit Negara ASEAN termasuk perwakilan pelbagai agensi dan syarikat di negara ini yang menghadiri Kursus Latihan Juruaudit Piawaian Tandas Awam ASEAN selama tiga hari.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Seramai 40 juruaudit daripada semua anggota negara ASEAN termasuk 23 perwakilan

pelbagai agensi dan syarikat di negara ini menghadiri kursus Latihan Juruaudit Piawaian Tandas Awam ASEAN selama tiga hari.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohiddin

Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) menjadi tuan rumah dan juga selaku penyelaras utama kursus yang bermula hari ini hingga 13 Ogos itu.

Ini merupakan peringkat ketiga pelaksanaan Piawaian Tandas Awam ASEAN di bawah Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2011-2015 (ATSP 2011-2015) yang mana peringkat pertama dan kedua telah menghasilkan Piawaian Tandas Awam ASEAN dan ASEAN 'Auditor Checklist'.

Antara lain isi kandungan latihan ini adalah untuk memberi latihan khusus tentang tatacara dan proses pengauditan berbandukan piawaian dan 'Auditor Checklist' yang telah diiktiraf semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN yang bersidang di Kuching,

Sarawak pada bulan Januari tahun ini.

Ianya merangkumi sesi teori, sesi praktikal dan juga sesi penilaian bagi bakal juruaudit, manakala sesi amali latihan akan melibatkan lawatan dan praktikal pengauditan beberapa kategori tandas-tandas awam di negara ini.

Objektif utama latihan yang dilaksanakan bersama pakar-pakar World Toilet Organisation ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pemeriksa dan juruaudit di negara ASEAN dalam memastikan piawaian dan kebersihan tandas awam ASEAN berada di peringkat kualiti tertinggi.

Hadir pada pembukaan kursus tersebut yang berlangsung di Bahtera 1 & 2, Hotel Badi'ah, di sini ialah Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Mariani binti Haji Sabtu.



PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Mariani binti Haji Sabtu semasa hadir pada Majlis Pembukaan Kursus Latihan Juruaudit Piawaian Tandas Awam ASEAN, berlangsung di Hotel Ba'diah.

Menangani ancaman keganasan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

RIMBA, Isnin, 11 Ogos. - Ancaman keganasan yang berlarutan di Asia Tenggara terus menjadi kebimbangan keselamatan bagi Negara Brunei Darussalam kerana masih terdedah kepada ancaman dan unsur-unsur tersebut seperti yang dihadapi oleh negara-negara jiran.

Selain itu, geografi lokasi negara ini juga mendedahkan kepada kumpulan pengganas serantau yang mungkin berniat untuk menjadikan negara ini sebagai tempat yang selamat bagi mereka.

Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohamed Don bin Haji Harith menyatakan perkara itu semasa melancarkan Kursus 'Terrorism and Weapon of Mass Destruction (TWMD)', berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Jelasnya, kadar yang tinggi pengguna *internet* khususnya dalam kalangan belia meningkatkan lagi kebimbangan wujudnya belia yang radikal di negara ini melalui *internet*.

Tambahnya, Kumpulan Kerja Perisikan Menangani Keganasan yang beroperasi di bawah naungan Jawatankuasa Kerja Perisikan Negara Brunei Darussalam memainkan peranan penting dalam menangani ancaman keganasan terhadap kepentingan negara ini.

Awang Haji Mohamed Don menjelaskan, objektifnya adalah untuk menyediakan agensi-agensi penguatkuasaan amaran awal mengenai ancaman pengganas

yang mungkin boleh dipercayai bertentangan dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam di dalam dan di luar negara.

Seramai 31 peserta terpilih mengikuti kursus ini terdiri daripada pegawai-pegawai dari agensi-agensi keselamatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Pertahanan, Jabatan Kastam dan

Eksais Diraja (JKED), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Juga hadir ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Tuan Yang Terutama Daniel Shields.

Kursus anjuran bersama Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan, JPM dan Kedutaan Besar Amerika

Syarikat di Negara Brunei Darussalam itu diadakan buat julung kalinya pada 11, 12 13 dan 15 Ogos 2014.

Kursus antara lain bertujuan mewujudkan kesedaran mengenai kaitan kumpulan pengganas dan WMD, di samping untuk memperluaskan lagi kemahiran dalam merangka operasi berkaitan dengan usaha menangani keganasan.



PEMANGKU Pengarah Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohamed Don bin Haji Harith bergambar ramai bersama para peserta yang mengikuti Kursus 'Terrorism and Weapon of Mass Destruction (TWMD)' di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba. Juga hadir ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Tuan Yang Terutama Daniel Shields.

Memperkukuh sistem beraja

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang dalam musim perayaan iaitu perayaan sambutan Hari Keputeraan Ke-68 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja yang kita kasihi dan taati.

Adapun perayaan Hari Keputeraan baginda itu adalah suatu keraian meliputi semua majlis dan acara, di istana, di padang dan di dewan-dewan seta tempat-tempat yang diaturnak bagi melangsungkannya.

Ini melibatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri dan kerabat diraja baginda, melibatkan pembesar-pembesar dan orang-orang kenamaan, melibatkan pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan dan swasta, melibatkan guru-guru dan murid serta penduduk, melibatkan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan anak buah mereka, melibatkan semua yang menganjurkan berbagai acara di daerah-daerah dan ibu negara.

Pada asalnya, sesuatu sambutan Hari Keputeraan, hari kelahiran atau yang disebut hari jadi dan 'Birthday' ialah untuk menyatakan kegembiraan kerana dilanjutkan usia. Dalam sambutan dan perayaan Hari Keputeraan raja yang kita sanjung dan kasihi ini kegembiraan kita ialah dalam makna kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melanjutkan usia

baginda dalam keadaan sihat afiat dan bahagia sejahtera di tengah-tengah kerabat diraja baginda, di tengah-tengah rakyat dan penduduk, memimpin dan menerajui kerajaan serta negara. Bagindalah raja dalam makna Ulul Amri kita dalam berkerajaan dan bernegara.

Sesuai dengan rasa kesyukuran itu maka kita mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia baginda dalam iman dan taqwa, sihat afiat, aman bahagia, kekal karar memerintah Kerajaan Negara Burnei Darussalam di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam makna kesyukuran itu juga atur cara yang bersesuaian telah dirancang iaitu keberangkatan baginda bagi Majlis Bersama Rakyat di semua daerah. Ini memberi kesempatan kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk untuk menyembahkan tahniah Hari Keputeraan kepada baginda secara langsung sama ada dengan lafaz sembah tahniah atau hati kita membisikkan dengan rasa terima kasih serta taat, dengan rasa syukur serta gembira. Kita sesungguhnya mengatakan bahawa kita menyanjung tinggi baginda, lalu mendoakan baginda untuk sentiasa dalam *ra'ayah* dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala. Baginda sentiasa memeduli hal ehwal kita sedang kita tidak dapat membalas kesemuanya melainkan dengan mendoakan baginda.

Selain itu, terdapat juga acara-acara berbentuk hiburan yang merupakan tanda kegembiraan dalam erti kata keraian itu. Tentulah ia hiburan yang bersesuaian atau sekurang-kurangnya dalam batas kesopanan masyarakat kita yang berpegang kepada nilai-nilai akhlak yang bersandarkan agama.

Dalam masa yang sama kita berharap sambil menasihati kepada sekalian yang akan menikmati hiburan itu wajiblah mengawal diri supaya berhibur dalam batas-batas yang layak. Jangan lalai alpa terhadap kewajipan agama, khasnya ibadat fardu ain. Jangan sampai menjejaskan kewajipan dan tanggungjawab pekerjaan dan tugas jawatan, jangan sampai cuai terhadap pelajaran bagi murid-murid dan penuntut. Bagi ibu bapa pula jangan sampai mendulur atau melepaskan tanggungjawab kekeluargaan terutamanya kepada anak-anak remaja.

Sesungguhnya dalam semua hal termasuk perayaan sambutan Hari Keputeraan, kita adalah diingatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan firman-Nya dalam Surah At Tahriim ayat 6:

Tafsirnya : “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan.”

Perlu kita ingat bahawa sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sebahagian daripada agenda kebangsaan ktia bagi mengukuhkan sistem pemerintahan beraja di negara ini.

Bagi kita di Brunei erti kata beraja itu seerti dengan makna khalifah, iaitu pengganti dan pelanjut pemerintahan nabawi yang berlandaskan Al-Qur'an, Al-Hadis dan Ijma'. Raja itu kita gelar sultan yang membawa makna penguat kuasa keadilan hukum yang bersumberkan ajaran Allah dan Rasul-Nya. Seterusnya raja boleh diertikan sebagai Al-Imam yang membawa maksud kepimpinan dan keteladanan.

Maka dalam meraikan sambutan Hari Keputeraan baginda, kita hendaklah sentiasa mengingatkan untuk memperkukuhkan sistem beraja yang kita warisi turun-temurun itu. Selain dengan doa hendaklah juga dengan usaha yang bersesuaian termasuklah menyemarakkan dan merangsangkan perasaan beraja di hati dan sanubari kita khasnya kanak-kanak sekolah, murid-murid dan penuntut-penuntut serta generasi muda.

Kerana itulah, dalam kita bergembira di musim perayaan ini hendaklah terus berhati-hati dan berwaspada. Kita bukan sahaja perlu memelihara keselamatan dan kesejahteraan diri dan keluarga kita, kita bertanggungjawab menjaga



keselamatan dan kesejahteraan bangsa dan negara.

Kesejahteraan dan keselamatan itu termasuklah kebahagiaan hidup yang sebenar-benarnya, yang terlepas dari ketakutan dan kita sekalian beroleh ketenteraman. Sama-samalah kita berdoa semoga kita semua mendapat kesejahteraan, keselamatan dan ketenteraman yang berkekalan serta dijauhkan dari azab Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al A'raaf ayat 97-100:

Tafsirnya : “Maka adakah penduduk sesebuah negeri itu merasa aman daripada datangnya seksa Kami ke atas mereka pada malam hari semasa mereka sedang tidur? Atau adakah penduduk sesebuah negeri itu merasa aman daripada datangnya seksa Kami ke atas mereka pada waktu dhuha (matahari naik) semasa mereka sedang leka beriman? Atau adakah mereka merasa aman daripada datangnya azab Allah yang tidak disangka-sangka? Maka sesungguhnya tidak ada yang merasa aman daripada datangnya azab Allah yang tidak disangka-sangka itu melainkan kaum yang rugi. Atau adakah yang demikian itu belum jelas kepada orang-orang yang mewarisi sesebuah negeri sesudah penduduknya binasa bahawa kalau Kami menghendaki tentu Kami akan menimpakan mereka dengan azab disebabkan dosa-dosa mereka dan Kami kunci mata hati mereka sehingga mereka tidak dapat mendengar nasihat-nasihat pengajaran.”

وقت سمبھيغ داعيرد بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باقي داعيرد بروني موارا دري هاري سبتو 16 اوکوس 2014 برساماعن دغن 19 شوال 1435 هيفغ
کهار ي جمعة 22 اوکوس 2014 برساماعن 25 شوال 1435 اذله سقرت دپاوه ابن:

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحی	شوروق	صبح	امساك	هجريه شوال	هاري	مسيحي اوکوس
7.45	6.33	3.42	12.26	6.40	6.16	4.57	4.47	19	سبتو	16
7.44	6.33	3.41	12.26	6.40	6.16	4.57	4.47	20	احد	17
7.44	6.33	3.40	12.26	6.40	6.16	4.57	4.47	21	اثنين	18
7.43	6.32	3.40	12.26	6.39	6.16	4.57	4.47	22	ثلاث	19
7.43	6.32	3.39	12.25	6.39	6.15	4.57	4.47	23	رابو	20
7.43	6.32	3.38	12.25	6.39	6.15	4.57	4.47	24	خميس	21
7.42	6.31	3.37	12.25	6.39	6.15	4.57	4.47	25	جمعة	22

وقت ٢ سمبھيغ باقي داعيرد تونوغ دتمبه ساتو ميثبت دان داعيرد بلاعت دتمبه تيف ميثبت دان سمبھيغ فرض جمعة دسورود نگارا بروني دارالسلام
دمولاعي دري فوكون 12.45 نغه هاري

Istiadat Perbarisan Kehormatan penuh gilang-gemilang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan Kehormatan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Istiadat Perbarisan Kehormatan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun berlangsung dalam suasana gilang-gemilang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke istiadat yang penuh tradisi itu, berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di ibu negara dialu-alukan dengan kibaran bendera Negara Brunei Darussalam dan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah menengah kira-kira 7,000 orang yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke Istiadat Perbarisan Kehormatan tersebut.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima hormat diraja diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) diikuti tembakan meriam sebanyak 21 das oleh Unit Tembak Meriam yang

Oleh : Abdullah Asgar, Norlia Md. Zain
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

terdiri daripada 21 orang anggota Polis Tentera ABDB diketuai oleh 553 Mejar Mardini bin Abdul Rahman.

Baginda kemudian berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan terdiri daripada anggota-anggota Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PDB, jabatan-jabatan beruniform termasuk Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Perkhidmatan Bomba Penerbangan Awam dan pertubuhan-pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Persekutuan Pengakap Negara

Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Persekutuan Bulan Sabit Merah, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat dan Program Khidmat Bakti Negara.

Kemudian pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan Panji-Panji Diraja PDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat di bawah pimpinan Pemerintah Perbarisan, 478 Leftenan Kolonel Omar Shariff bin Haji Hidup.

Ke muka 8

BERANGKAT sama ke istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kanan).



JUGA berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima hormat diraja pada istiadat perbarisan tersebut. Berangkat sama ialah anakanda dan adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dari muka 7

Laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' disembahkan oleh kesemua pasukan yang mengambil bahagian merupakan acara kemuncak istiadat disusuli dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB yang mengeluarkan kepulan asap berwarna-warni terdiri daripada

enam buah helikopter, pesawat CN235 dan dua buah pesawat terbang kecil.

Juga berangkat dan hadir ke istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Menteri-Menteri

Pendalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jempunan.

Turut hadir pada istiadat yang penuh meriah tersebut termasuk tetamu-tetamu khas baginda daripada kalangan negara-negara jiran dan sahabat.

Ke muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan (atas kanan), sementara gambar atas, baginda dan DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika berangkat ke istiadat perbarisan tersebut.



Pasukan ABDB semasa membuat perbarisan lalu.



BERANGKAT sama ialah DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTm Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTm Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan Kehormatan (atas kiri), sementara gambar atas, baginda berkenan memeriksa perbarisan kehormatan.

Dari muka 8

Antaranya ialah Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin dan Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Haji Aman dan Datin Sri Siti Rubiah binti Datuk Abdul Samad.

Dengan berlangsungnya istiadat ini, maka bermulalah acara-acara keraian sempena dengan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68 Tahun.

Pelbagai acara keraian telah disusun di keempat-empat daerah dalam tempoh sebulan bermula 14 Ogos. Kemuncak acara perayaan ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Bagi Daerah Belait pada hari Ahad, 17 Ogos; Tutong pada hari Selasa, 19 Ogos; Daerah Temburong pada hari Khamis, 21 Ogos dan bagi Daerah Brunei dan Muara pada hari Ahad, 24 Ogos.

BERANGKAT sama ialah DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTm Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTm Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (kiri).



PERBARISAN lalu daripada pasukan keselamatan yang mengambil bahagian dalam Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

A portrait of a man in a military uniform, likely a high-ranking officer, wearing a green cap with a gold emblem and a dark blue jacket with numerous medals and decorations. He is holding a telephone receiver to his ear.

A group of people in formal attire, including military uniforms and traditional Indonesian clothing, walking on a red carpet during a ceremony. The individuals are moving from left to right across the frame. In the foreground, a man in a white military uniform with gold braiding and a black beret walks on the left. Next to him is a man in a black military uniform with a gold sash and a black beret. In the center, a woman in a vibrant red lace kebaya and a red hijab walks. To her right is a man in a black military uniform with a prominent yellow sash and a black beret. Further right, a woman in a pink hijab and a pink and white patterned kebaya walks. On the far right, another man in a black military uniform with a gold sash and a black beret walks. In the background, other people in similar attire are visible, along with a large, ornate building with green and white patterned walls. The ground is polished and reflects the light.

A group of people, including men in military uniforms and women in traditional Indonesian attire, walking on a red carpet during a formal event.

JUGA berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun di Istana Nurul Iman.

Dari muka 10

Juga hadir ialah tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Adenan Haji Satem dan isteri dan

Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri.

Berangkat dan hadir pada istiadat ini ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri,

Menteri-Menteri Pendalaman, para perwakilan negara sahabat, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sementara itu, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



BERANGKAT ke istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

20 orang dikurniakan Bintang-Bintang Kebesaran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) yang membawa gelaran Dato Laila Utama kepada Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud (kiri) dan berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka kepada Dr. Haji Mehboob Alikhan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 20 orang penerima sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-68 di Istana Nurul Iman, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) yang membawa gelaran Dato Laila Utama kepada Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud.

Istiadat diikuti dengan pengurniaan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) kepada tiga orang

penerima yang membawa gelaran Dato Paduka Seri yang terdiri Penglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral Dr. Moeldoko; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pesuruh-jaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor.

Sementara itu, seorang dikurniakan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (P.S.P.N.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Pahlawan kepada Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (U) Awang Haji Wardi bin Haji Abd. Latip.

Seorang lagi dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Paduka kepada Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Anifah bin

Haji Aman.

Manakala itu dua orang dikurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J.) yang membawa gelaran Dato Seri Laila Jasa kepada Perwakilan Khas Kerajaan Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Rastam bin



BAGINDA berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) dan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.)



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Mohd Isa dan Setiausaha Agung Yayasan Forum Ekonomi Dunia Islam, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak.

Dalam pada itu tiga orang dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka kepada Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang; Pakar di Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Mehboob Alikhan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Fajar Capital, Tuan Iqbal Ahmad khan.

Setelah itu, Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.) pula dikurniakan kepada Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid dan Ketua Bahagian Sekolah-Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajah

Sinega binti Haji Swadi.

Sementara itu, lima orang penerima dikurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) kepada 259 Kolonel Awang Haji Zainal Ariffin bin Dato Paduka Haji Ahmad, Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abd. Razak, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Awang Razali bin Haji Badar dan Awang Mohd Serudin bin Haji Tuah.

Manakala dua lagi dikurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J.) kepada Senior Leftenan Kolonel Meyyappan Nadarajan Thevar dan Mejar Bishan Kumar Rai Dewan.

Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Negara tumpu mempelbagai pertumbuhan ekonomi

Oleh : Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, faktor *keberkatan* telah menjadikan Negara Brunei Darussalam dapat berkembang dengan baik dalam bidang ekonomi yang ditumpukan kepada mempelbagai dan menaikkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi.

Ini termasuklah antara lain bagi memudahkan kemasukan Pelaburan Langsung Asing dalam pelbagai sektor, memajukan sektor swasta, memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan iklim *pro-business*.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda

Ke-68 Tahun, di Istana Nurul Iman, di sini.

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melahirkan rasa gembira mengenai inisiatif untuk menarik 'Foreign Direct Investment (FDI) yang berkualiti ke negara ini, yang sudah pun menampakkan tanda-tanda pencapaian awal yang positif.

Menyentuh sektor hiliran minyak dan gas, Kebawah DYMM bertitah, Pulau Muara Besar kini telah pun mula dimajukan bagi penyediaan tapak projek pembinaan kilang penapisan minyak bersepadu atau 'Integrated oil refinery' dan industri-industri berkaitan yang menjanjikan banyak peluang pekerjaan.

Sementara itu, sebuah kilang pembuatan ubat atau *pharmaceutical manufacturing plant* yang bertaraf dunia telah pun siap dibina dan kini sudah mula beroperasi.

Selain itu, sebuah syarikat terkemuka antarabangsa di bidang *simulation training* juga telah membina 'Multi-Purpose Training Centre' sebagai pusat latihan utamanya di rantau ini yang telah beroperasi di negara ini.

Manakala 'Bio Innovation Corridor' (BIC), seluas 500 hektar bagi menarik pelaburan dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R & D), pembuatan dan komersial merupakan sektor berpotensi untuk memantapkan lagi ekonomi serta mampu membuka peluang-peluang pekerjaan secara lebih meluas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68.



KEBERANGKATAN masuk kerabat diraja dan tetamu khas baginda di Istana Nurul Iman.



SUASANA Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun di Istana Nurul Iman.

Pertambahan kos sektor pendidikan terus diberi perhatian

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan kesejahteraan negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memberikan perhatian khusus terhadap bidang pendidikan.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan bagi memberikan kemudahan pinjaman kewangan yang *affordable*.

Bertitah semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-68 yang berlangsung di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman, baginda bertitah skim pinjaman tersebut satu langkah memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu memenuhi syarat menerima biasiswa sebagai menampung kos pengajian dan sara hidup para pelajar itu dapat melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tempatan atau luar negara.

Selain itu, kerajaan juga memperkenankan peruntukan tambahan berjumlah BND220 juta untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tertentu khususnya bagi mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik.

Peruntukan tersebut, titah baginda, untuk tempoh tiga tahun bagi menampung kos kedatangan

tenaga pengajar daripada luar negara bagi mengajar mata-mata pelajaran berkenaan.

Dalam titah baginda juga menyentuh mengenai langkah-langkah kerajaan memenuhi keperluan bidang pendidikan termasuklah satu skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Institusi Pengajian Tinggi bagi menarik minat sumber tenaga manusia



BERANGKAT sama dalam istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.



DOA selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



SEBAHAGIAN daripada kerabat diraja dan tetamu khas baginda yang hadir.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun di Istana Nurul Iman.

Penubuhan Majlis Wawasan 2035 diperkenan

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dari muka 1

Semasa menyentuh mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) baginda bertitah, PKBN akan mempunyai fasiliti khemahnya sendiri di Daerah Temburong dan baginda telah pun memperkenankan satu struktur organisasi baru bagi memperkasa lagi program berkenaan.

Di samping itu, Kebawah DYMM juga bertitah tentang hubungan negara di peringkat antarabangsa di mana kerajaan baginda terus mengekalkan dasar terbaik-baik dan saling hormat-menghormati dengan negara-negara sahabat, di samping mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan peringkat bagi

keamanan dan kesejahteraan bersama.

Baginda turut menzahirkan rasa sangat bersimpati negara terhadap rakyat dan negara Palestin yang sedang diragut keamanan dan kesejahteraan mereka oleh musuh yang tidak berperli kemanusiaan.

"Musuh ini begitu tergamak membunuh kanak-kanak, kaum perempuan, orang tua dan lain-lain warga awam yang tidak berdosa. Mereka juga memusnahkan bangunan, tempat kediaman dan tidak terkecuali rumah ibadat dan sekolah, tanpa mengambil kira, jenayah ini, dilakukan dalam bulan suci Ramadan, di mana orang-orang Islam sedang melaksanakan ibadat berpuasa," titah baginda.



PUTERI-PUTERI Kebawah DYMM ketika berangkat ke istiadat berkenaan.



BAGINDA berkenan mengurniakan bintang Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.



ANAKANDA-ANAKANDA dan adinda-adinda baginda yang berkenan berangkat ke istiadat berkenaan.

Berkenan menerima mengadap tetamu khas

Oleh : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap para tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari negara-negara sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula sekali berkenan menerima mengadap Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Raghad Kurdi Taib.

Ke muka 15



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama Yang Di-pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Raghad Kurdi Taib.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika berkenan berangkat menerima mengadap para tetamu khas menghadiri perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-68.



BAGINDA berdua berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah Haji Tussin.



BAGINDA berdua berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dato' Seri Anifah bin Haji Aman dan isteri, Datin Seri Siti Rubiah binti Datuk Abdul Samad.





KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan dan isteri, Madam Chia Oon Su Joy.



BERKENAN menerima mengadap Cabinet Secretary of Philippines, Tuan Yang Terutama Jose Rene Almendras dan isteri, Mrs. Lourdes V. Almendras.



Dari muka 14

Ini diikuti oleh Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah Haji Tussin.

Seterusnya Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dato' Seri Anifah bin Haji Aman dan isteri, Datin Seri Siti Rubiah binti Datuk Abdul Samad.

Selepas itu diikuti oleh Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan dan isteri, Madam Chia Oon Su Joy.

Ini kemudian diikuti oleh Cabinet Secretary of Philippines, Tuan Yang Terutama Jose Rene Almendras dan isteri, Mrs. Lourdes V. Almendras.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem dan isteri, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Dato Hajah Jamilah binti Haji Anu.

Seterusnya mengadap baginda berdua ialah Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Jenderal TNI Dr. Moeldoko dan isteri, Ibu Koes Moeldoko.

Akhir sekali mengadap ke hadapan majlis baginda berdua ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Leftenan Jenderal (B) Sjafrie Sjamudin dan isteri, Ibu Etty Sudiwati Sjafrie Sjamudin.



BAGINDA berdua berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem dan isteri, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Dato Hajah Jamilah binti Haji Anu.



BAGINDA berdua ketika berkenan menerima mengadap Timbalan Menteri Pertahanan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Leftenan Jenderal (B) Sjafrie Sjamudin dan isteri, Ibu Etty Sudiwati Sjafrie Sjamudin.



BAGINDA berdua berkenan menerima mengadap Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Jenderal TNI Dr. Moeldoko dan isteri, Ibu Koes Moeldoko.



Majlis Persantapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68, di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Ke muka 17



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68, di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Sri Raghad Kurdi Taib.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.



KETUA Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Faridah binti Haji Tussin.



Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda Kebawah DYMM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68, di Istana Nurul Iman.

Dari muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan beramah mesra dengan isteri-isteri tetamu khas Kebawah DYMM sebelum berangkat ke Majlis Persantapan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati.



SEBAHAGIAN daripada Menteri dan pegawai kanan kerajaan yang hadir.



Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Majlis Persantapan juga dihadiri oleh tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya, Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dato' Seri Anifah bin Haji Aman dan isteri, Datin Seri Siti Rubiah binti Datuk Abdul Samad dan Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin.

Persantapan dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Persembahan bunga api turut menyerikan suasana Majlis Persantapan yang diadakan di perkarangan Istana Nurul Iman.

Juga berangkat dan hadir ke Majlis Persantapan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pendalaman, para perwakilan asing ke negara ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, para tetamu terdiri daripada pegawai kerajaan dan swasta serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.



ISTANA Nurul Iman bermandikan cahaya bunga api penuh warna warni. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Raja berwibawa memimpin negara penuh keberkatan

Berita dan Foto : Ak. Jeffery Pg. Durahman



"PEMERINTAHAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas takhta singgahsana boleh dijadikan contoh dan model betapa baginda telah mewujudkan keseimbangan (*equilibrium*) dalam sistem sosial yang ideal kerana semua komponen di dalam sistem pemerintahan baginda bergerak cergas dan bekerja seiringan, yang insyaaAllah meletakkan baginda ke aras pemerintahan 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur' dan semoga baginda juga dilanjutkan usia memerintah negara." - Tokoh Korporat, Awang Haji Roni bin Haji Roslee.

BERSEMPENA dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68, seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam merafak sembah menjunjung kasih dengan rasa penuh syukur dan gembira menyembahkan ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pandangan mengenai kepimpinan baginda yang membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kegemilangan. Baginda sebagai *working monarch* tetap di hati rakyat.

Bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun, pewarta PELITA BRUNEI juga berkesempatan menemu bual beberapa jemputan semasa berada di Istana Nurul Iman yang mana ini merupakan kesempatan paling berharga dan amat bermakna bagi mereka menzahirkan

betapa rakyat mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan seorang raja yang berwibawa memimpin negara penuh keberkatan.



"KEPRIHATINAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kehidupan dan kebajikan rakyat baginda merupakan satu rahmat yang tidak ternilai semoga pemerintahan baginda kekal karar di atas takhta, Daulat Kebawah Duli Tuan Patik." - Ikhlis daripada Awang Salminan bin Haji Burut dan Dayang Hajah Siti Raudah binti Haji Abd. Wahab.



"KAMI berasa bangga dan bertuah apatah lagi tinggal di atas bumi Negara Brunei Darussalam yang mempunyai seorang sultan dan Ulii Amri yang adil dan saksama, yang prihatin dan berihsan, semoga keadilan baginda memerintah negara akan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan kami juga turut mendoakan semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia, sihat walafiat memerintah negara. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik." - Ucapan daripada Datin Dr. Hajah Mariah binti PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim (kanan) dan Datin Hajah Hasnah binti Haji Apeng (kiri).



"SELAKU rakyat di negara ini, saya dengan rasa sukacita menyembahkan ucapan tahniah dan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik Yang Ke-68 Tahun pada tahun ini, dan saya juga berasa amat bertuah memiliki seorang raja yang berjiwa rakyat serta sentiasa memberikan pemedulian juga kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk baginda." - Ikhlis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.



"KEBAWAH DYMM merupakan pemimpin berjiwa rakyat sangat disanjung bahkan keikhlasan dan keprihatinan baginda dalam menghulurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan merupakan satu rahmat bagi kita yang bernaung di bawah pemerintahan baginda dan selaku rakyat baginda kami sekeluarga dan juga rakyat serta penduduk di negara ini sentiasa mendoakan kesejahteraan ke hadapan majlis baginda dan kerabat diraja yang lain." - Ikhlis daripada Pengiran Khairil Khalid bin Pengiran Syed Haji Jaafari dan Pengiran Zubaidah binti Pengiran Syed Haji Jaafari.



"KEBAWAH DYMM merupakan seorang raja yang sangat dikasihi oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini bahkan sebagai seorang raja, baginda sentiasa mempamerkan keakraban serta hubungan yang erat antara rakyat dengan raja yang begitu pemedulian pada rakyat baginda dan bersempena dengan hari ulang tahun pada tahun ini kami juga ingin memanjatkan doa semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan dikurniakan kesihatan serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam." - Ikhlis daripada Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah (kiri) dan Pensyarah Kanan UBD, Dr. Hajah Hairuni binti Haji Ali Marican (kanan).



"SEMPENA dengan Ulang Tahun Kebawah DYMM Ke-68, sebagai rakyat baginda kami sentiasa berdo'a semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kerabat diraja sekalian dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, sejahtera serta kekal karar memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana kerajaan dan Negara Brunei Darussalam, dalam keadaan aman damai serta dengan rahmat, taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala." - Datin Hajah Raihani binti Dato Paduka Haji Hamdani (kanan) dan Pengiran Datin Hajah Noorain binti Pengiran Haji Abdul Rahman (kiri).



"SELAKU rakyat di negara ini kami semua tidak kendur-kendurnya meletakkan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mendoakan baginda sentiasa dilanjutkan usia, sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, aman damai dan kekal karar memerintah di atas singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam." - Pengiran Haji Jambol bin Pengiran Haji Sulaiman dan keluarga.

Kebawah DYMM prihatin kemajuan pendidikan

Berita dan Foto : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai seorang raja berjiwa rakyat yang penuh prihatin dan pemedulian terhadap kebajikan segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini. Dengan kepimpinan

bijaksana dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, rakyat dan negara sentiasa berada dalam suasana aman, damai dan sejahtera serta menikmati kemajuan dan pembangunan pesat dalam bidang fizikal dan kerohanian.

Kesetiaan dan perpaduan rakyat serta penduduk terhadap raja yang mereka kasihi dapat disaksikan semasa Istiadat Perbarisan Kehormatan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Ke-68 Tahun yang berlangsung, pagi tadi, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Pada istiadat itu pewarta PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa penuntut sekolah yang terlibat pada acara tersebut yang rata-rata mendoakan agar baginda sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dayang Atiq Zulkhalaina binti Rosli, penuntut Tahun 8 di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang baru pertama kali menyertai perbarisan tersebut melahirkan rasa beruntung kerana menjadi

rakyat Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan raja yang sangat prihatin dan sentiasa mengambil berat terhadap rakyatnya terutama kemajuan pendidikan di negara ini.

"Saya mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah negara," ujarnya.

Sementara itu, Awang Solahuddin Ayubi bin Md. Nor Arif, penuntut Tahun 8, Maktab Sultan Omar 'Ali



DAYANG Atiq Zulkhalaina binti Rosli, penuntut Tahun 8 di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Saifuddien, pula menyifatkan, baginda sebagai seorang raja yang sentiasa memeduli kebajikan negara demi kepentingan masa depan rakyat dan penduduknya.

Ini, jelasnya, terbukti melalui sikap keprihatinan baginda terhadap para pelajar sekolah dengan menyediakan pelbagai kemudahan prasarana pendidikan serta pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti agar penuntut di Negara Brunei Darussalam menjadi insan yang berpendidikan dan berkemahiran.

Manakala Dayang Ezzatunnabihah, penuntut Tahun 9 dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar juga menjunjung

kasih atas sikap pemedulian baginda termasuk kebajikan belia di negara ini.

Menurutnya, baginda sentiasa memberikan inspirasi dan motivasi kepada para belia agar terus berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai hasrat negara melalui Wawasan 2035 untuk menjadikan negara ini dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

"Semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dilimpahkan kudrat dan iradat terus memimpin negara dengan aman dan makmur," katanya.



DAYANG Ezzatunnabihah, penuntut Tahun 9 dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.



AWANG Solahuddin Ayubi bin Md. Nor Arif, penuntut Tahun 8, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

Pelbagai kemajuan ekonomi dicapai

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Pduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membawa pelbagai perkembangan dan perubahan kepada Negara Brunei Darussalam sejak baginda menaiki takhta 47 tahun yang lalu.

Sehingga ke hari ini, pelbagai kemajuan telah dicapai yang merangkumi semua aspek kehidupan berkaitan dengan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini.

Salah satu aspek yang cukup ketara ialah daripada aspek pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melaksanakan dan menyediakan pelbagai kemudahan bagi mengembangkan lagi pembangunan ekonomi negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Bangunan Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, menekankan usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan negara dan untuk itu Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan negara ini probisnes terutama untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana.

"Bagi negara kita, pihak kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti makroekonomi, melalui perbelanjaan berhemat yang mengutamakan 'value for money' dan akauntabiliti. Di samping itu, usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan Negara.

"Maka untuk itu, Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan negara ini probisnes, terutama untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana," titah baginda.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk agensi-agensi sektor swasta sejak sekian lama sudah dan akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk mengembangkan perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

Usaha-usaha tersebut dilaksanakan termasuklah dari segi bantuan-bantuan kredit, penyediaan prasarana-prasarana, latihan-latihan pengurusan. Ini mengambil kira betapa pentingnya sumbangan PKS dalam membantu negara meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonominya, meningkatkan sumber pendapatan dan selanjutnya sebagai cara untuk memastikan penjaanaan peluang-peluang pekerjaan.

Sehubungan itu, sebahagian besar daripada rencana ini akan menyentuh mengenai peranan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan sekali gus mencerminkan usaha-usaha yang dilakukan oleh LKEB untuk

membantu mengembangkan ekonomi negara ini.

SKIM-SKIM BANTUAN KEWANGAN

Dari segi mengukuhkan perniagaan tempatan, LKEB menawarkan skim bantuan kewangan bagi Pembangunan Pengusaha Tempatan Yang Berpotensi (Promising Local Enterprise Development Scheme/PLEDS) untuk membantu PKS tempatan yang berpotensi tinggi, untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan berterusan ke arah visi untuk menjadi sebuah syarikat multinational yang berpendapatan tahunan sebanyak BND100 juta dan mampu berdaya saing dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Melalui skim bantuan kewangan PLEDs, LKEB akan menjadi rakan kongsi pelaburan atau *investment partner* kepada PKS yang berkenaan dengan menggunakan kaedah Pelaburan Ekuiti bernilai sehingga BND5 juta daripada PLEDs Asset Holdings Sdn Bhd ditadbir oleh LKEB. Dengan kaedah sedemikian, LKEB akan menjadi pemegang saham dan ahli Lembaga Pengarah dalam PKS tersebut dan membolehkan LKEB untuk menghulurkan bantuan nasihat dan pengalaman dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar tertentu di dalam usaha-usaha untuk mengembangkan PKS berkenaan. Setakat ini ada empat buah syarikat di bawah skim bantuan kewangan PLEDs dan LKEB telah juga mengenal pasti 11 buah syarikat tempatan untuk skim bantuan ini.

Di samping skim bantuan kewangan PLEDs, PKS juga boleh mendapatkan skim bantuan Perusahaan Teknikal (ETAS) untuk meringankan bebanan bayaran kos khidmat profesional bagi mendapatkan nasihat dalam aspek-aspek *corporate governance*, pengurusan, pengembangan perniagaan dan sebagainya atau kos pengambilan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan PKS berkenaan dan untuk meringankan bebanan kos bagi kemasukan produk dan perkhidmatan syarikat tempatan ke pasaran antarabangsa.

Bantuan kewangan ETAS adalah merupakan *cost sharing grant*, yang mana pihak LKEB akan sama-sama membiayai sehingga 50 peratus daripada kos keseluruhan yang diperlukan oleh pihak konsultan/profesional dalam pemberian perkhidmatan teknikal/nasihat kepada syarikat-syarikat terlibat. Jumlah had bantuan bagi setiap syarikat adalah sehingga BND300,000.

Bagi menggalakkan dan membantu golongan belia tempatan dalam memulakan perniagaan mereka secara mikro, LKEB juga menawarkan skim bantuan kewangan yang dikenali sebagai Program Perkembangan Keusahawanan Belia (YEDP). Skim *grant* ini adalah bagi memberi bantuan kewangan sehingga BND2,000 (bagi peserta perseorangan) dan BND4,000 (bagi peserta berkumpulan). Setakat ini YEDP telah membantu seramai 118 belia dan dengan adanya bantuan ini, ianya membolehkan para belia memulakan perusahaan mereka secara kecil-kecilan.

Bagi meningkatkan daya kreativiti dan inovasi serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam kalangan penduduk dan syarikat di negara ini, pihak LKEB telah pun

melancarkan beberapa program yang berasaskan pengetahuan (*knowledge based*), skim bantuan kewangan dan program bagi menggalakkan aktiviti yang berinovasi dan juga R & D di Negara Brunei Darussalam.

Salah satu daripada program peningkatan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan multimedia ialah penubuhan Pusat Inkubasi iCentre (iCentre) pada tahun 2008 bagi perniagaan baru atau *start-ups* dalam bidang ICT.

iCentre bukan sahaja menyediakan ruang pejabat dan kemudahan seperti bilik mesyuarat dan dewan auditorium, tetapi juga menyediakan beberapa program seperti *mentoring* atau bimbingan daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan dan perniagaan, membuat lawatan pendedahan ke luar negeri termasuk ke Silicon Valley di San Francisco, Amerika Syarikat, membuat *showcase* bagi produk tempatan di arena antarabangsa seperti Communic-Asia dan InnovFest, Singapore.

Setakat ini iCentre telah membantu 39 buah perniagaan baru atau *start-ups* yang berkecimpung dalam bidang penyediaan aplikasi Mobile, Web, GPS, RFID, Smart Technology dan Multimedia.

Selain dari itu, LKEB juga telah memperkenalkan beberapa skim bantuan kewangan seperti dana Accel-X Investment Fund, dana Future Fund, Insentif Perniagaan Baru Yang Inovatif (Start-Up Brunei/SUB), Skim Produk Perusahaan Tempatan (Local Enterprise Applications and Product/LEAP) dan Skim Insentif Penyelidikan Brunei (Brunei Research Incentive Scheme/BRISCI).

Accel-X Investment Fund merupakan dana pelaburan yang menyediakan bantuan kepada perniagaan-perniagaan baru atau *start-ups* di dalam industri ICT dan High Technology yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi. Accel-X ini menggunakan kaedah pelaburan ekuiti ke dalam perniagaan baru atau *start-ups* tersebut dengan jumlah maksima pelaburan sebanyak BND1.5 juta bagi setiap syarikat.

SUB merupakan skim *grant* atau bantuan kewangan berjumlah sehingga BND50,000 yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah pengusaha baru yang inovatif sama ada dalam kalangan pengusaha tempatan mahupun pengusaha asing yang dapat meningkatkan semangat keusahawanan di Negara Brunei Darussalam. Setakat ini empat buah syarikat termasuk dua buah syarikat tempatan telah diberikan bantuan ini.

LKEB telah juga melancarkan beberapa program keusahawanan seperti Brunei Hackathon, Entrepreneurship @ Campus (E@C), Junior Achievement Brunei (JAB) dan Pusat Kemudahan Seni Kreatif (CRAFT).

Brunei Hackathon merupakan program tahunan dalam bentuk pertandingan yang mana para peserta perlu mencari cara atau kaedah terbaik bagi mengatasi cabaran-cabaran atau isu-isu yang dihadapi dalam kehidupan harian bukan saja bagi rakyat dan penduduk di negara ini malah yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa. Cara-cara yang terdapat oleh para peserta akan diserahkan kepada pereka konsep teknikal dan akan dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan.

LKEB telah juga bekerjasama dengan pertubuhan Junior Achievement Worldwide (JAW)

untuk menubuhkan JAB bagi melaksanakan program pendidikan keusahawanan bagi golongan kanak-kanak dan belia.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengalaman dan pengetahuan dalam hal ehwal pengurusan kewangan dan mempertingkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan penuntut-penuntut yang terlibat. JAW adalah satu Non Profit Organisation yang diasaskan pada tahun 1919 di Amerika Syarikat.

Penubuhan JAB adalah hasil kerjasama erat di antara masyarakat perniagaan dan bank di negara ini, guru-guru dan juga sukarelawan. Program ini didasarkan kepada pelajar dari peringkat tadika hingga sekolah menengah kerajaan dan swasta. Setakat ini tujuh buah sekolah dan seramai 275 orang murid telah ikut serta dalam program ini.

Penubuhan CRAFT oleh pihak LKEB pada tahun 2013 bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem yang boleh mempercepatkan pertumbuhan perkembangan industri multimedia di Negara Brunei Darussalam. Pusat ini bukan saja menyediakan kemudahan fizikal multimedia malah khidmat latihan multimedia, termasuk bidang 3D animasi dan kesan visual menerusi usahasama LKEB dengan syarikat-syarikat antarabangsa daripada industri multimedia seperti Autodesk Asia Pte Ltd dan Side Effects Software Asia Pacific. Sejak penubuhannya pada suku pertama tahun 2013, skim tersebut telah menganjurkan 630 kelas dan melatih 277 orang peserta.

PERUNTUKAN

Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (2012-2017) telah memperuntukkan dan sebanyak BND100 juta bagi mendukung perkembangan PKS di negara ini, yang sebahagiannya digunakan bagi skim bantuan pembiayaan yang berbentuk pinjaman dan mana-mana projek yang difikirkan bersesuaian dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan PKS akan dilaksanakan menggunakan peruntukan tersebut.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa menghuraikan secara ringkas keutamaan belanjawan Merangsang Kegiatan Pelaburan pada Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kespuluh MMN, baru-baru ini antaranya menjelaskan di bawah LKEB, beberapa inisiatif akan diteruskan termasuk bagi Program Pembiayaan Pembangunan PKS yang diperuntukkan sebanyak BND11 juta dengan Harga Rancangan BND60 juta; dan Pembangunan Tamas Teknologi Anggerek Desa Fasa 3 yang disediakan sebanyak BND20 juta dihasratkan untuk kegunaan PKS, syarikat-syarikat Startups dan juga agensi yang berkenaan dengan Startups dan PKS.

LANGKAH MENARIK PELABURAN ASING

Dalam pada itu, Pelaburan Langsung Asing (FDI) juga merupakan salah satu pemacu utama kepada pertumbuhan yang penting dalam pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

LKEB sebagai sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta LKEB (Penggali 104, undang-undang Brunei)

berperanan utama untuk mengembangkan dan mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Peranan ini adalah selaras dengan hasrat dan usaha-usaha gigih Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035 iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang terkenal dengan kualiti kehidupan tinggi rakyatnya dan sumber perekonomian yang dinamik dan mampan.

Ke arah mencapai hasrat Kerajaan Kebawah DYMM itu, LKEB telah menumpukan usaha-usahanya kepada tiga bidang kegiatan perekonomian, iaitu untuk menarik FDI, memajukan dan mengukuhkan kemampuan perniagaan dan pengusaha tempatan untuk bersaing di arena antarabangsa dan seterusnya meningkatkan daya kreativiti dan inovasi serta menggalakkan aktiviti R & D dalam kalangan penduduk dan syarikat di negara ini.

Dari segi FDI, LKEB telah berjaya menarik minat pelabur-pelabur asing daripada beberapa buah negara luar termasuk Jepun, Kanada, China, Malaysia, Republik Korea dan Taiwan untuk melabur dan menubuhkan perniagaan di Negara Brunei Darussalam bagi pengeluaran produk-produk untuk pasaran eksport.

Di antara gabungan sektor-sektor perniagaan yang diberikan keutamaan secara aktif oleh pihak LKEB adalah sektor-sektor pemakanan, farmaseutikal dan kosmetik, logistik dan ICT.

Sehingga kini, tahap kemasukan FDI ke Negara Brunei Darussalam secara keseluruhan, dianggarkan akan menjana secara langsung, sebanyak 1,347 peluang pekerjaan baru bagi anak-anak tempatan, di samping itu juga akan menjana peluang-peluang pekerjaan tambahan yang lain melalui aktiviti-aktiviti perniagaan perkhidmatan sokongan tempatan yang berkaitan.

KESIMPULAN

Usaha-usaha akan terus dipergiatkan bagi menarik pelaburan asing dan domestik bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara yang akan memberi impak positif terhadap perkembangan sektor sosial, terutamanya dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi belia-belia tempatan.

Di samping itu, tumpuan khusus juga akan terus diberikan kepada meningkatkan peranan dan keupayaan PKS sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penyedia peluang-peluang pekerjaan tetap dan berkualiti.

Segala inisiatif-inisiatif skim bantuan kewangan termasuk FDI adalah dirancang untuk memberikan sumbangan secara substantif dalam menjana pertumbuhan ekonomi jangka panjang di Negara Brunei Darussalam dan sebagai langkah strategik dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Dengan kerjasama rapat dengan agensi-agensi Kerajaan Kebawah DYMM yang berkenaan LKEB akan terus menawarkan program-program perekonomian dan pelaburan yang boleh membawa manfaat kepada rakyat dan penduduk negara ini dan seterusnya menjamin masa depan negara yang lebih cerah dan makmur sekali gus dapat bersaing dengan negara-negara luar di dunia ini.

Kesejahteraan warga emas tidak diabaikan

DI SEPANJANG hayat, mereka memberikan sumbangan jasa bakti kepada keluarga, agama, bangsa dan negara.

Dengan tabah, tekun dan sabar mereka mencari rezeki untuk membiayai keluarga.

Dengan beramal dan beribadat mereka berpegang peguh pada agama.

Dengan mendukung nilai-nilai hidup bermasyarakat dan budaya, mereka menyumbangkan kelangsungan berbangsa.

Dan dengan bertekad taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mereka mengukuhkan ciri-ciri bernegara.

Jasa bakti mereka tidak dilupakan. Apabila mereka sudah menjangkau usia 60, giliran negara pula yang menjaga kebajikan mereka.

Oleh : Saerah
Haji Abdul Ghani

KEPERIBADIAN tulus Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memeduli hal ehwal kemasyarakatan rakyat dan Negara Brunei Darussalam termasuk kebajikan warga emas. Negara berasa beruntung memiliki seorang raja yang berkeperibadian unggul.

Warga emas sebagai golongan yang penting dan sentiasa terpeduli oleh masyarakat sememangnya kaya dengan pelbagai pengalaman dan sumber pengetahuan yang dapat dimanfaatkan oleh generasi yang lebih muda sebagai teladan dan panduan hidup. Generasi muda perlu menyedari adanya warga emas juga memberi sumber inspirasi yang berguna serta kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai akan kewujudan warga emas di negara ini.

Menurut kiraan statistik warga emas yang menerima pencen umur tua sehingga bulan Jun lalu bagi Daerah Brunei dan Muara seramai 16,462, seramai 5,468 orang di Daerah Belait, 3,867 orang di Daerah Tutong, 909 orang di Daerah Temburong dan menjadikan jumlah keseluruhan menjadi 26,706.

PROJEK MEMEDULI WARGA EMAS

Kesejahteraan dan kebajikan warga emas yang kurang bernasib baik turut menjadi perhatian dan pemedulian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sebagai langkah proaktif bagi mengatasi permasalahan itu telah menubuhkan Projek Memeduli Warga Emas.

Projek ini dilancarkan pada 22 Jun 2005 oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud pada ketika itu.

Projek dikhususkan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas yang kurang bernasib baik

disebabkan oleh kesihatan yang terjejas, kecacatan ataupun yang tidak mempunyai dokongan keluarga yang mantap.

Pengenalan projek ini adalah sebagai langkah proaktif bagi mengatasi permasalahan yang melibatkan golongan warga emas serta menitikberatkan pembabitkan ahli keluarga, masyarakat sekeliling dan para sukarelawan. Selain itu, projek ini juga bertujuan untuk memberi bantuan, khidmat atau pertolongan apabila warga emas memerlukan bantuan untuk melakukan aktiviti-aktiviti harian.

Projek tersebut juga membukakan peluang bagi para individu yang berkecenderungan untuk menjadi sukarelawan memberikan khidmat bakti mereka kepada warga emas yang memerlukan bantuan tersebut khususnya warga emas yang tinggal bersendirian, berkeadaan daif dan ditinggalkan sendirian kerana anak-anak bekerja, mengurangkan rasa bosan dan kesunyian warga emas, melibatkan ahli keluarga dalam memeduli warga emas, menggalakkan individu, pihak swasta dan NGOs untuk terlibat sebagai sukarelawan menjaga warga emas.

lanya telah dilaratkan di kesemua daerah di negara ini untuk memastikan golongan warga emas diberi penjagaan yang sepatutnya. Objektif utama projek ini mengekalkan nilai-nilai keluarga agar warga emas akan terus dihormati dan diberi perhatian, meningkatkan kesedaran orang ramai, sektor swasta dan pertubuhan sukarela mengenai perlunya penjagaan terhadap warga emas bagi mengekalkan *survival*, meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan memelihara dan memeduli warga tua, meningkatkan taraf kehidupan warga emas dari segi fizikal, emosi dan sosial serta menyediakan bantuan dalam mengendalikan aktiviti kehidupan harian.

Projek ini dikendalikan dengan kerjasama HelAge Korea, Kementerian Kesihatan, negara-negara ahli ASEAN dan NGOs.

SAMBUTAN HARI

ANTARABANGSA WARGA EMAS
Negara Brunei Darussalam meraikan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas sejak tahun 1999 dan sambutan diadakan

di keempat-empat buah daerah. Melalui sambutan ini golongan warga emas akan dilibatkan dalam pelbagai bentuk aktiviti seperti sukan, jualan produk, pertunjukkan dan lain-lain lagi.

Hari Antarabangsa Warga Emas jatuh pada setiap 1 Oktober. Tarikh ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

BANTUAN KEWANGAN BAGI WARGA EMAS

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sentiasa peka kepada kesejahteraan warga emas Negara Brunei Darussalam dalam pemberian bantuan kewangan.

Pihak kerajaan sejak tahun 1955 lagi telah mewujudkan jaringan keselamatan sosial atau *social safety net* melalui pemberian Skim Pencen Umur Tua kepada rakyat dan penduduk tetap negara yang berumur 60 tahun ke atas mengikut Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya 1954. Skim ini bukan sahaja untuk menghargai dan memuliakan warga emas di negara ini tetapi sedikit sebanyak juga dapat membantu warga emas menyara keperluan seharian mereka dan menjalani kehidupan yang bermaruah (*dignify living*).

Dalam pada itu, bagi warga emas yang tergolong sebagai orang susah juga dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Kebajikan Bulanan, di samping Pencen Umur Tua.

Pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1427 Hijriah / 2006 Masihi, Kebawah DYMM bertitah, kita di Brunei, sudah pun nampak kasih sayang Allah itu melimpah ruah. Kita telah menikmati semenjak sekian lama lagi berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Menurut titah baginda, semua ini adalah berkat kebajikan yang terbit daripada niat baik semua orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada.

"Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara," titah baginda.

Oleh itu titah Kebawah DYMM lagi,



KEBAJIKAN warga emas di negara ini amat dititikberatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

sebagai mengenang jasa ini serta juga sebagai tanda, yang kita tidak pernah melupakan mereka, maka satu skim pencen telah diperkenalkan sejak sekian lama, yang diberi nama 'Pencen Tua'.

Baginda bertitah, negara tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pencen ini, malah sebaliknya menjadi sumber berkat memantapkan lagi kemakmuran negara.

Maka kerana ini titah Kebawah DYMM, sebagai tanda bersyukur kita dan negara, baginda dengan sukacita mengumumkan kenaikan bagi kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan. Kenaikan ini berkuatkuasa mulai pada 1 Oktober 2006.

Kerajaan Kebawah DYMM melalui Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya telah memperkenalkan pembayaran pencen tua kepada rakyat dan penduduk negara ini yang mana kadar pembayaran pencen umur tua bermula sebanyak BND20 pada tahun 1955 dan kadar tersebut meningkat dari setahun ke setahun hingga sekarang ini sebanyak BND250 setiap seorang. Peruntukan pembayaran pencen umur tua bagi memastikan golongan warga emas sentiasa mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak kerajaan.

PENJAGAAN MASA DEPAN WARGA EMAS

Ke arah memperkuat lagi komitmen dan kesungguhan Kerajaan Kebawah DYMM dalam memberikan pemedulian dan pengiktirafan atas jasa dan sumbangan warga emas kepada pembangunan negara khususnya masyarakat setempat, sebuah Jawatankuasa Khas Warga Emas (JKWE) telah ditubuhkan yang menyediakan pelan-pelan tindakan pemedulian dan kegiatan warga emas bagi mengisikan waktu usia tua dan terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

JAPEM menjadiurus setia kepada Ahli JKWE dan Orang Berkeperluan Khas (OBK) iaitu salah satu jawatankuasa di bawah Majlis

Kebangsaan Sosial.

Jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, jabatan kerajaan dan NGOs, bertanggungjawab dalam merangka dasar, undang-undang dan pelan tindakan yang membabitkan golongan warga emas dan OBK. Selain merangka jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam memastikan segala dasar, undang-undang dan pelan tindakan yang disediakan itu untuk menangani isu warga emas dan OBK. Juga menjadi perhatian jawatankuasa ini ialah untuk memastikan kerjasama yang erat antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menangani isu warga emas dan OBK.

PENUBUHAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS

KKBS melalui JAPEM telah berjaya menubuhkan sebuah Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) pada 2012 di Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan dan telah dirasmikan pada 12 Mac 2013 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Penubuhan PKWE ini bertepatan dengan strategi negara bagi mewujudkan warga emas yang sejahtera dan agar warga emas di negara ini akan dapat menjalani kehidupan aktif lagi produktif dengan mengisikan masa mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Pusat tersebut juga diharap akan menjadi salah satu *community support centre* bagi warga emas mengadakan aktiviti yang melibatkan masyarakat dalam pembangunan negara secara amnya.

Pembinaan pusat dilaksanakan secara kerjasama antara KKBS dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta NGOs dan sektor swasta dalam menyediakan sebuah pusat dukungan masyarakat untuk warga emas.

Pusat ini dihasratkan agar warga emas dapat mengikuti aktiviti-aktiviti berkebakikan yang membina, beriadah dan bersukan bagi menggalakkan penuaan aktif (*active ageing*).



Malaysia kutip mata penuh

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Walau bagaimanapun, Viet Nam terlebih dahulu melancarkan serangan pada minit kedua separuh masa pertama apabila rembatan pemain Pham TrumTinh (jersi 12), berjaya dihadap oleh penjaga gol lawan.

Viet Nam sekali lagi mempunyai peluang keemasan apabila pemainnya, Phan Van Long berjaya melepasi kawalan pertahanan Malaysia, namun cubaannya berjaya diselamatkan oleh penjaga gol Malaysia, Md. Ramdhan Ab. Hamid.

Asakan bertali arus daripada pemain Viet Nam menerusi gandingan Nguyen Cong Phuon dan Phan Van Long nyaris-nyaris menghasilkan gol pertama Viet Nam, namun sekali lagi usaha mereka digagalkan oleh kecekapan penjaga gol Malaysia.

Selang dua minit kemudian, tandukan Nguyen Tuan Anh hanya mampu pula singgah ke tiang gol kiri Malaysia hasil sepakan sudut.

Pertahanan Malaysia yang dibarisi oleh Abdullah Suleiman dan Mohammad Syawal Nordin harus diberi pujian apabila sering kali bertindak cemerlang mengekang usaha Viet Nam pada separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua pula, ternyata usaha Ketua Jurulatih Pasukan Malaysia, Mohamed Razip Ismail mengubah corak permainan pasukannya dan membuahkan hasil apabila pemain Mohammad Syawal Nordin (jersi 15) menanduk masuk ke gawang Viet Nam hasil sepakan sudut.

Malaysia kelihatan lebih bertenaga dengan larian pantas dan permainan menarik menerusi pemain sayap kirinya, Azrul Nizam Muhammad

yang sering kali memberikan umpanan berbahaya ke kawasan Viet Nam.

Tertekan dengan serangan dibuat oleh Malaysia, Jurulatih Pasukan Viet Nam, Guillaume Graechen memasukkan pemain gantikan Nguyen Phong Hong Duy dan Hoang Tuan Tai bagi menggerakkan jentera serangan pasukannya.

Kemasukan dua pemain gantikan ini berjaya mengucar-ngacirkan pertahanan Malaysia namun benteng Malaysia sangat sukar dibolosi.

Sebaliknya Nurshami Abd. Ghani pula tiba-tiba menjaringkan gol kedua pasukannya apabila melepaskan rembatan ke sebelah kiri gawang Viet Nam setelah menerima hantaran lintang daripada Azrul Nizam Muhammad.

Tersentak ketinggalan 2-0, pemain Viet Nam terus mengasak kubu Malaysia untuk mencipta gol pertama, namun serangan mereka gagal sehingga pengadil meniup wisel penamat.

Pada Sidang Media ringkas yang telah diadakan sejeurus selepas tamat perlawanan bersama Ketua Jurulatih Pasukan Malaysia, Mohamed Razip Ismail, rata-rata beliau berpuas hati dengan keputusan ni, dan menganggap pasukannya bermain lebih baik pada separuh masa kedua.

“Para pemain saya telah berjaya mengubah corak permainan yang saya harapkan dengan memberikan tekanan ke kubu lawan, dan akhirnya penyerang saya berhasil mencipta dua jaringan pada perlawanan ini,” jelasnya.

Menurutnya lagi, walaupun Viet Nam bermain dengan sangat baik pada separuh masa pertama dan banyak

memberikan tekanan kepada para pemainnya, segala kelemahan dapat diatasi oleh para pemainnya pada separuh masa kedua.

Sementara itu, Jurulatih Pasukan Viet Nam, Guillaume Graechen pula berasa kecewa dengan permainan yang ditunjukkan oleh pemainnya pada separuh masa kedua sehingga penyerang Malaysia berjaya menghasilkan gol kedua.

“Pemain nampak keletihan dan kawalan serta hantaran bola juga mudah dibaca oleh pihak lawan dan ini membolehkan pasukan saya berjaya dibolosi dua kali,” ujarnya.

Jelasnya lagi, tujuh orang pemain yang sebelum ini telah diturunkan menentang Singapura telah direhatkan dan digantikan dengan pemain lain pada perlawanan ini bagi membuat persiapan apabila pasukannya bertemu dengan Indonesia nanti.

Perlawanan seterusnya Viet Nam akan bertemu dengan Indonesia di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, manakala Malaysia akan menentang



KETUA Jurulatih Pasukan Malaysia, Mohamed Razip Ismail berpuas hati dengan keputusan perlawanan.

Kemboja di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 13 Ogos.



PEMAIN penyerang pasukan Viet Nam cuba merebut bola sambil dihadap oleh pemain Malaysia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Malaysia berjaya mencipta kemenangan pertama apabila menewaskan Viet Nam 2 - 0 pada saingan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) 2014, berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Walaupun sebelum ini pasukan Viet Nam berjaya menumpaskan Singapura 4 - 0 dalam perlawanan sebelumnya, namun pada perlawanan Kumpulan 'B' malam tadi Viet Nam terpaksa akur dengan kekuatan pasukan Malaysia.

Kemboja tumpaskan Singapura 3-1

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Ketua Jurulatih Pasukan Singapura, Bok Kok Chuan berasa optimis yang pasukannya masih mempunyai peluang untuk mara ke peringkat seterusnya di Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN 2014 bagi merebut Trofi Hassanal Bolkiah (HBT).

Katanya walaupun peluang mereka menipis, namun kejohanan belum berakhir dan mereka masih

punyai peluang untuk menguasai perlawanan-perlawanan selanjutnya.

Bok Kok Chuan menyatakan, perkara tersebut dalam Sidang Media sejeurus selesai perlawanan antara Singapura menentang Kemboja di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pada perlawanan tersebut pasukan Singapura tumpas dengan jaringan 1 - 3 kepada pasukan Kemboja dan merupakan kekalahan mereka yang kedua sepanjang kejohanan tersebut.

Mengulas persembahan pasukan Singapura, Bok Kok Chuan berkata, mereka hanya berjaya mengawal perlawanan pada 15 minit pertama, namun hilang punca selepas didahului dengan jaringan pertama pasukan Kemboja.

Beliau mengakui pasukan Kemboja kini bangkit dalam arena bola sepak sejak dua tahun kebelakangan ini dan untuk itu, jelasnya, Singapura perlu memberi perhatian dalam meningkatkan mutu permainan mereka pada masa hadapan.

Pasukan Kemboja menuai kemenangan keduanya selepas menumpaskan pasukan tuan rumah dua hari lepas dengan mendahului pasukan Singapura pada minit ke-23 menerusi pemain lincah, Chan Vathanaka selepas memperdayakan pertahanan pasukan Singapura sebelum merembat kencang dari sebelah kanan menuju penjuru sebelah kanan pintu gol Singapura.

Pasukan Singapura yang tidak mahu mengalah terus melakukan serangan-serangan pantas dari arah pemain sayap kanan dan kiri untuk mengimbangi lawannya akan tetapi tidak mampu untuk menembusi pertahanan pasukan Kemboja yang dibentengi oleh rangkian Thorng Da, Ngoy Srin, Sok Sovan dan Moul Daravorn.

Kemboja menambah jaringan pada minit ke-38 menerusi hantaran pendek Chan Vathnaka kepada Kouch



KETUA Jurulatih Pasukan Singapura, Bok Kok Chuan semasa Sidang Media sejeurus selesai perlawanan antara Singapura menentang Kemboja di KSB.

Sokumpheak sebelum menghantar kembali kepada Nub Tola untuk melakukan rembatan sekali gus menumpaskan penjaga gol Singapura, Md. Neezam Abd. Azim.

Dua minit sebelum separuh masa pertama berakhir, penggerak jentera bahagian tengah pasukan Kemboja, Prak Mony Udom berjaya menembusi gawang Singapura melalui sepakan kencang dari luar petak 'D' untuk menjadikan kedudukan 3 - 0.

Pasukan Singapura cuba merapatkan kedudukan apabila Md. Zakir Samsudin berjaya menjaringkan pada minit ke-55 selepas melepasi dua pemain benteng pasukan Kemboja.

Pasukan Singapura hampir menambah jaringan, namun sepakan percuma yang dilakukan Tan Danial Farhan pada minit ke-83 hanya singgah di palang gol pasukan Kemboja dan 3 - 1 kekal hingga akhir perlawanan.

Ketua Jurulatih Pasukan Kemboja, Lee Tae Hoo berkata, beliau berasa gembira di atas kemenangan tersebut namun masih kesal ke atas pemainnya kerana tidak dapat bermain 100 peratus disebabkan kurang rehat.

Untuk perlawanan seterusnya beliau menyatakan mereka akan cuba melakukan yang terbaik namun kalah menang belum dapat ditentukan.



ANTARA aksi pasukan Singapura bertemu Kemboja di Kompleks Sukan Berakas (KSB).



Myanmar pasukan pertama mara ke separuh akhir

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KETUA Jurulatih Pasukan Myanmar, Getd Ziese.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Pasukan Myanmar menjadi pasukan pertama di Kumpulan 'A' mara ke babak separuh akhir pada Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN 2014 Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) selepas menundukkan pasukan Laos dengan jaringan 3 - 2 di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas, di sini.

Dengan kemenangan tersebut pasukan Myanmar mengekalkan

prestasi terbaiknya setakat ini dengan memenangi kesemua perlawanan dengan mengumpul 9 mata daripada hasil tiga perlawanan.

Bermula dengan kemenangan pertama ke atas pasukan Thailand dengan jaringan 3 - 2, diikuti pula kemenangan keduanya kepada pasukan Timor-Leste dengan kedudukan 3 - 1.

Menurut Ketua Jurulatih Pasukan Myanmar, Getd Ziese, perlawanan antara pasukan Myanmar dan Laos 50-50 pada babak pertama dengan kedua pasukan silih bertahan dan menyerang, namun keduanya gagal memperoleh sebarang gol.

Katanya, kejadian berubah selepas pasukannya mendahului jaringan dan daripada saat itulah permainan semakin rancak.

Beliau sangat berpuas hati dengan keputusan yang berlaku malam itu dan mengakui pasukan Laos juga merupakan sebuah pasukan yang kuat.

Kedua-dua pasukan gagal menuai sebarang gol pada babak pertama selepas bermain dengan cukup berhati-hati sekalipun keduanya saling bertukar serangan.

Pasukan Laos hampir saja memisahkan jurang apabila percubaan

Keoviengpheth Lithideth pada minit ke-47 hanya singgah di tiang pintu gol Myanmar selepas berjaya memperdayakan dua pemain pertahanan.

Gol yang ditunggu-tunggu oleh Myanmar pun tiba pada minit ke-49 apabila pintu gol Laos berjaya ditembusi berawal dari Nanda Kyaw yang melorongan bola kepada Aung Thu dan meneruskan kepada Maung Maung Soe untuk

melakukan penyudah.

Lapan minit kemudian pasukan Myanmar mengukuhkan kedudukan apabila menjaringkan gol keduanya setelah umpanan Maung Maung Soe kepada Nyein Chan Aung berjaya dimanfaatkan.

Namun tanpa disangka-sangka pasukan Laos berjaya merapatkan jurang setelah lorongan bola dari tengah berjaya direbut oleh Maitee sebelum merembat kencang dari sebelah kiri untuk melepasi jangkauan penjaga gol Myanmar, Thant Zinc Nyo.

Kedudukan kembaliimbang pada



PEMAIN Myanmar (jersey merah) cuba mendapatkan bola tetapi dihalang oleh pertahanan Laos (jersey biru putih).



KETUA Jurulatih Pasukan Laos, Norio Tsukitate.

minit ke-74 apabila pasukan Laos dihadihkan sepakan penalti dan kesempatan ini tidak di sia-siakan oleh Ketsada Souksavanh selepas pemain pertahanan Pasukan Myanmar, Chit Hla Aung menjatuhkan Saison Khounsamnan di petak D.

Pasukan Myanmar kembali memimpin perlawanan apabila Yang Naing Oo berjaya menjaringkan gol ketiga sekali gus memberikan kemenangan kepada pasukannya dan seterusnya melangkah ke babak seterusnya.

Perlawanan seterusnya untuk pasukan Myanmar ialah pada 17 Ogos berdepan Filipina.

Thailand berpesta jaringan tumpaskan Timor Leste

Oleh: Mohammad Arif Matali
Foto: Hernie Suliana Haji Othman



KETUA Jurulatih Thailand, Sasom Pobprasert.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Pasukan Thailand tidak menghadapi masalah untuk membelasah pasukan Timor Leste 5 - 0 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyerang harapan Thailand, Chenrop Samphaodi menjadi inspirasi buat pasukannya untuk merobek gawang lawan.

Rangkaian tengah Thailand, Patipan Pinsermsootsri lebih awal mengucir-gacirkan benteng pertahanan Timor Leste apabila larian kencang dari tepi.

Suporn Peenagatapho mempunyai peluang untuk mencipta jaringan awal tetapi rembatan hasil hantaran jauh rakannya tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan hanya melepasi gawang gol walaupun Fagio Augsto

sudah pun tertewas.

Timor Leste cuba untuk mengimbangi permainan namun pemain pertahanan mereka melakukan kesilapan dengan menjatuhkan penyerang lawan Chenrop Samphaodi di dalam petak penalti dan pengadil dari Kemboja, Tuy Vichhika tidak teragak-agak untuk memberikan sepakan penalti yang tidak disia-siakan oleh Montree Promsawat untuk menghadihkan gol pertama Thailand pada minit ke-14.

Thailand menambah jaringan menjadi 2 - 0 pada minit ke-32 hasil hantaran lintang Patipan Pinsermsootsri yang ditanduk dengan kemas oleh Chenrop Samphaodi dari kiri gawang Timor Leste.

Menyedari pasukannya ketinggalan dengan jaringan 0 - 2, pemain Timor Leste cuba merubah permainan dengan gerakan serta hantaran yang menarik ke kubu lawan.

Penyerang Timor Leste, Henrique Wilson yang bertindak bijak mengawal bola dan berjaya melepaskan diri dari kawalan dua pertahanan Thailand, namun penyudahnya yang tumpul menghampakan meraka.

Pada separuh masa kedua, milik pasukan Thailand yang melancarkan asakan bertali arus dan melakukan gerakan merbahaya ke kubu Timor Leste sehingga menyebabkan penjaga gol lawan yang dikawal oleh Fagio August bekerja keras menepis segala cubaan dari penyerang Thailand.

Chenrop Samphaodi sekali lagi menjaringkan gol ketiga buat pasukannya dan Thailand terus melesukan pasukan lawan memperoleh jaringan 4 - 0 pada minit ke-62 menerusi Jenphop Phoki.

Ketika pemain Timor Leste semakin hampa, Prasad Jantum mengambil

aksi longgar pertahanan Timor Leste menerusi jaringan pada minit ke-80 untuk berpesta jaringan 5 - 0.

Ketua jurulatih Thailand, Sasom Pobprasert merasa sangat berpuas hati dengan corak permainan anak didiknya lebih-lebih lagi dalam separuh masa kedua.

"Pemain seperti Patipan Pinsermsootsri harus diberi pujian kerana telah memberikan sumbangan yang berharga dalam perlawanan ini dengan hantaran yang tepat sehingga rakannya berhasil menjaringkan gol," ujarnya.

Menurutnya, penyerang berbisanya Chenrop Samphaodi terpaksa digantikan kerana tidak mahu mengambil risiko dan memerlukan rehat yang secukupnya apabila pasukannya bertemu dengan pasukan Laos nanti.

Sasom Pobprasert juga berharap pemainnya akan mengekalkan corak permainan ketika menentang Timor Leste apabila menentang pasukan Laos nanti.

Manakala, Jurulatih Pasukan Timor Leste, Koga Takamu berasa kecewa dengan persembahan anak



JURULATIH Pasukan Timor Leste, Koga Takamu.

didiknya dalam perlawanan ini dan akan sedaya upaya memperbaiki segala kelemahan yang ada untuk perlawanan seterusnya nanti.

"Walaupun pasukannya sudah tewas sebanyak dua kali, namun beliau masih menyimpan harapan tinggi untuk cuba memperoleh kemenangan yang pertama pada perlawanan akan datang," ujarnya.



PEMAIN Pasukan Thailand (biru) cuba menghalang bola daripada pemain Timor Leste.



ANTARA penyokong Thailand yang menyaksikan perlawanan di antara Thailand dan Timor Leste.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Peluang pasukan Negara Brunei Darussalam melayakkan diri ke saingan separuh akhir Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) 2014 terus terbuka selepas membenam dengan mudah pasukan Republik Singapura dengan jaringan 3 - 1.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, selaku Presiden NFABD dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan perlawanan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) 2014 antara pasukan Brunei Darussalam menentang pasukan Singapura.

Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, selaku Presiden

Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD); Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pasukan tuan rumah bermula garang dengan memisahkan kedudukan seawal minit kedua apabila penyerang negara, Abdul Azim Abdul Rashid berjaya mengegarkan gawang pasukan Singapura selepas menerima hantaran jauh Adi Said.

Keadaan hujan lebat yang turun sejak awal perlawanan sedikit sebanyak mencacatkan rentak



Abdul Azim Abdul Rashid cuba meloloskan diri pemain pertahanan Singapura.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berangkat menyaksikan perlawanan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN HBT 2014 antara pasukan Brunei Darussalam menentang pasukan Singapura.

permainan kedua-dua pasukan tetapi tidak mematahkan semangat mereka untuk melakukan serangan bertali arus ke gawang lawan masing-masing.

Peluang pasukan anak didik Richard Bok hadir pada minit ke-27 apabila penyerang, Ignatius Ang Yu Heng melepaskan tendangan kencang tetapi berjaya ditepis oleh penjaga gol muda negara, Abdul Hafiz Abdul Rahim.

Kemudian pada minit ke-36, penyerang sensasi pasukan Tebuan Muda, Adi Said mengukuhkan kedudukan dengan menambah jaringan setelah menerima umpanan daripada pemain sayap kiri, Mohd. Asnawi Syazni Haji Aziz yang sekali gus menewaskan penjaga gol Singapura, Muhd. Zharfan Rohaizad.

Pada babak kedua perlawanan, pasukan muda negara terus menguasai perlawanan dengan mengatur strategi namun beberapa percubaan tidak dapat disudahkan dengan baik.

Sokongan padu para penyokong pasukan tuan rumah terus menggamatkan suasana selepas Abdul Azim Abdul Rashid menyumbatkan gol kedua peribadinya pada minit ke-68 dengan membuat jaringan jarak dekat selepas menerima hantaran lintang, Mohd. Asnawi Syazni Haji Aziz, sekali gus menjarakkan lagi kedudukan pasukan Brunei dengan jaringan 3-0.

Pasukan tuan rumah terus menggandakan serangan bertali arus pada minit ke-73, 75, 78 dan 80 melalui sepakan deras dari luar kotak penalti yang masing-masing dilakukan oleh Adi Said dan Md. Hendra Azam Md. Idris, namun percubaan mereka sedikit tersasar daripada gawang pasukan Singapura.

Gol saguhati pasukan Singapura hadir pada minit ke-83 selepas pemain gantian, Yus Henzry Mohd. Jalil berjaya menyumbat masuk ke gawang Brunei menerusi sepakan sudut pertama bagi pasukannya.

Pasukan Brunei terus menguasai perlawanan dengan beberapa serangan demi serangan sehingga tamat perlawanan.

Pasukan Tebuan Muda akan meneruskan saingan HBT 2014 dengan menentang pasukan Viet Nam pada hari Jumaat ini di SNHB.

Dengan kemenangan tersebut, pasukan didikan Kwon Oh Son itu kini menduduki tangga ketiga dalam Kumpulan 'B' selepas pasukan Harimau Muda berjaya menumpaskan pasukan Kemboja 1 - 0 malam ini.

Malaysia tumpaskan Kemboja 1 - 0



ANTARA aksi semasa perlawanan di antara Malaysia dan Kemboja. - Foto : Hamzah Mohiddin.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Malaysia mendahului Kumpulan 'B' setelah menumpaskan Kemboja 1 - 0 pada perlawanan di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dengan kemenangan itu, skuad Harimau Muda kini mengutip 7 mata daripada tiga perlawanan, manakala Kemboja menduduki tempat keempat.

Pada babak perlawanan separuh masa pertama, kedua-dua pasukan gagal membolosi gawang masing-masing namun kegigihan Malaysia sedari awal perlawanan separuh masa pertama sudah merendahkan semangat Kemboja untuk terus mara menentang pihak lawan walaupun padang dibasahi dengan hujan lebat.

Permainan Kemboja semakin hambar apabila pemainnya Thorng Da (jersi 3) dilayangkan kad kuning setelah menjatuhkan pemain Malaysia, Azrul Nizam Muhammad (jersi 13).

Apa yang jelas Kemboja lebih menguasai perlawanan tetapi mereka tetap gagal membuat jaringan hinggalah tamat separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua, beberapa cubaan

penyerang Kemboja gagal melepasi penjaga gawang Malaysia, Md Ilham Amirullah Razali yang begitu mantap.

Nasib tidak menyebelahi Kemboja apabila Malaysia, Mohd. Asri Mardzuki (jersi 4) yang dibawa masuk bagi menggantikan Azrul Nizam Muhammad, menjaringkan gol pada minit ke-64 dengan tendangan kencang di luar petak 'D'.

Kemboja dengan semangat yang tinggi terus mengatur serangan dengan menukar dua pemain bagi menyamakan kedudukan tetapi Malaysia juga membuat dua pertukaran pemain untuk mengukuhkan jentera pertahanan.

Kedudukan menyebelahi Malaysia 1 - 0 kekal sehingga pengadil dari Laos, Xaypaseuth Phongsanit membunyikan wisel penamat.

Sementara itu, pada Sidang Media sejurus selepas perlawanan, Ketua Jurulatih Pasukan Malaysia, Mohamed Razip Ismail berasa gembira dengan hasil perlawanan menentang Kemboja.

Menurutnya, anak buahnya telah bermain yang terbaik pada sepanjang perlawanan di bawah tekanan yang berat oleh Kemboja.

Malah Kemboja tidak memberi peluang yang mudah kepada Malaysia pada separuh masa pertama dan kedua-dua pasukan terikat 0 - 0 sehingga tamat separuh masa pertama tetapi beliau berasa gembira kerana pemainnya mengikut arahan, disiplin dan mereka berjaya mengutip tiga mata sekali gus mendahului Kumpulan 'B'.

Manakala Ketua Jurulatih Pasukan Kemboja, Lee Tae Hoon berkata, walaupun mereka tewas pada perlawanan malam ini tetapi pemainnya bermain dengan baik dan mempunyai banyak peluang untuk menjaringkan gol walaupun keadaan hujan lebat membasahi padang perlawanan.

Tetapi jelasnya, agak susah bagi Kemboja kerana dua pemainnya tidak dapat bermain pada perlawanan yang seterusnya.

Beliau berasa kesal apabila dua tunggak pertahanannya yang sebagai pemain penting dalam perlawanan tidak dapat bermain tetapi Kemboja akan mencuba yang terbaik pada perlawanan yang akan datang.

Skuad negara dapat pujian

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Kemantapan pemain tengah skuad Negara Brunei Darussalam telah menyumbang satu persembahan terbaik buat pasukan negara untuk menumpaskan pasukan Republik Singapura, 3 - 1, perlawanan peringkat Kumpulan 'B' Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) Bagi Belia ASEAN 2014.

Ketua Jurulatih Skuad Brunei Darussalam, Kwon Oh Son menjelaskan bahawa pemainnya mempamerkan pemain tengah yang berkemahiran sekali gus membantu memantapkan lagi jentera bahagian tengah pasukannya.

"Pemain tengah, Abdul Azim Abdul Rashid bermain cemerlang malam ini dan mempunyai potensi yang tinggi untuk menyumbang kemenangan kepada pasukan Tebuan Muda itu," jelasnya pada Sidang Media sejurus perlawanan Negara Brunei Darussalam bertemu Republik Singapura di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sementara Pengurus Pasukan, Awang Haji Feisal bin Haji Eussof pula mengakui pasukannya telah mengkaji corak permainan Singapura sebelum membuat percaturan untuk bertemu dengan pasukan berkenaan.

Beliau juga memuji kesungguhan pemain-pemainnya untuk memburu kemenangan, di samping akan mengekalkan momentum kecemerlangan pada perlawanan seterusnya.

Apa yang paling membanggakan jelas beliau ialah bagaimana pemainnya menunjukkan permainan yang menakjubkan melalui hantaran tepat mereka

dan berharap mereka akan dapat mempertajamkan lagi teknik dan kemahiran tersebut.

Dengan hanya mempunyai satu hari masa rehat, jelasnya, pasukannya mempunyai jadual yang ketat dan perlu bermain lima perlawanan sebelum ke pusingan separuh akhir.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Pasukan Singapura, Richard Bok berkata, hujan lebat yang turun sedikit sebanyak mengganggu rentak permainan dan mendapati anak buahnya kurang tumpuan setelah pasukan tuan rumah menjaringkan gol pertama mereka pada awal minit perlawanan dimulakan.

Menurutnya, pasukan didikannya itu turut mempunyai beberapa peluang yang baik sepanjang perlawanan itu namun belum mampu memberi kesudahan yang baik.

Beliau turut berpendapat bahawa skuad muda Brunei mengambil setiap peluang dengan baik meskipun dalam keadaan cuaca yang tidak berapa mengizinkan, namun baginya pasukannya juga mempunyai beberapa peluang tetapi tidak mampu diambil.

Dengan bermain tiga perlawanan dalam masa enam hari, jelasnya, bukanlah satu perkara mudah untuk mengekalkan stamina para pemain dan kedua-dua pasukan yang bermain dalam keadaan hujan juga menghadapi sedikit kesukaran.

Richard Bok turut mengucapkan tahniah kepada pasukan Negara Brunei Darussalam atas kemenangannya malam ini dan beliau turut menyifatkan bahawa penyerang skuad Brunei, Adi Said adalah seorang pemain yang luar biasa serta mempunyai ketangkasan dan teknik yang baik dalam permainan dan boleh pergi jauh pada peringkat antarabangsa.

Brunei sasar 'kuasa ekonomi' ke-10 teratas di dunia

Dari muka 1

Kebawah DYMM juga menyentuh mengenai peluang pekerjaan di mana mengikut Banci Awal Majikan dan Pekerja 2013, dari seramai 140,000 tenaga kerja di dalam kira-kira 10,000 buah syarikat yang aktif, kira-kira 65 peratus adalah terdiri daripada pekerja asing.

“Schubungan dengan ini, dengan mengambil kira kadar pengangguran yang ada, kita adalah wajar untuk mempunyai satu dasar pengisian pekerjaan yang seimbang,” titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah melahirkan rasa syukur sejauh ini negara sudah dapat memenuhi sebahagian dari sasaran untuk mengurangkan pengangguran di mana di sektor minyak dan gas sahaja misalnya, sasaran sehingga 2014 untuk memberikan 3,000 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan telah pun hampir tercapai.

Namun begitu, baginda mengingatkan agar kita juga tidak boleh lepas pandang terhadap peluang-peluang pekerjaan di sektor bukan minyak dan gas.

Ke arah ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan satu dasar baru untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Dasar itu pada asasnya adalah bertujuan untuk menyeimbangkan di antara pengambilan pekerja tempatan dan pekerja asing, melalui kaedah-kaedah pengawasan tertentu.

Terdahulu dari itu, baginda bertitah dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada tetamu-tetamu khas baginda yang telah hadir dan kepada semua yang menyembahkan perutusan ucapan selamat ke hadapan majlis baginda dan keluarga sempena dengan perayaan itu.

Baginda telah melahirkan rasa syukur dapat meraikan Hari Keputeraan pada tahun ini dalam suasana aman dan sejahtera, di samping menyedari keberkatan berpegang teguh kepada agama, telah dapat meneruskan lagi kehidupan ini dengan penuh selesa serta dengan rancak membangun di bidang-bidang yang diperlukan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 di Istana Nurul Iman. - Foto : Hamzah Haji Mohidin.



Berangkat menyaksikan Perlawanan Brunei Darussalam bertemu Viet Nam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menyaksikan perlawanan antara pasukan Brunei Darussalam dengan pasukan Viet Nam pada Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN 2014, Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Masri Osman. - (Berita penuh dan gambar-gambar di muka 3).

Zon letak kenderaan sempena Majlis Bersama Rakyat Dearah Belait

KUALA BELAIT, Khamis, 14 Ogos. - Sebagai persiapan bagi Acara Ramah Mesra Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersama Rakyat di Daerah Belait, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas Cawangan Belait mengambil langkah dalam mengendalikan pengurusan lalu lintas di sekitar jalan-jalan utama di kawasan Padang Belait bagi memastikan keadaan lalu lintas di kawasan tersebut tidak mengalami kesesakan jalan raya.

Pengguna-pengguna jalan raya juga diingatkan agar sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas dan arahan yang diberikan oleh anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertugas semasa acara tersebut.

Penapisan kenderaan akan bermula pukul 7.00 pagi pada 17 Ogos 2014 bagi kenderaan yang melalui Jalan Maulana/Simpang Jalan McKerron, Jalan Bendahara untuk menuju Jalan Sultan, Jalan Padang persimpangan empat Jalan Sultan, Jalan Dato Shahbandar untuk memasuki Jalan Sultan dan Jalan Maulana daripada STL.

Kenderaan yang mempunyai pas sahaja dibenarkan memasuki kawasan-kawasan penapisan, sementara Zon-zon Letak Kereta Jemputan Khas & Kenderaan yang mempunyai Pas Letak Kereta VIP dan Jemputan Khas ialah di kawasan letak kereta belakang pentas diraja.

Sementara itu, Parking 'A' akan ditempatkan di kawasan Letak Kereta Basement Bangunan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan Jalan Padang, Kuala Belait; Parking 'B' di tempat Letak Kereta Berhampiran Kantin Bangunan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan Jalan Padang, Kuala Belait; Parking 'C' di tempat Letak Kereta Hadapan Bangunan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan

Jalan Padang Kuala Belait; Parking 'D' di tempat Letak Kereta Bangunan Jabatan Daerah Belait Jalan McKerron Kuala Belait (Bagi Ahli Jawatankuasa sahaja); Parking 'E' di tempat Letak Kereta Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan McKerron Kuala Belait; Parking Awam di Zon Letak Kereta Kawasan Tanah Lapang berhampiran Jalan Dato Shahbandar dan Zon Parking Bas di sepanjang Jalan McKerron.

Larangan bagi zon-zon letak kereta berkenaan akan bermula dari pukul 6.00 petang pada 16 Ogos 2014 sehingga acara selesai pada keesokan harinya.

Hanya kenderaan tertentu sahaja dibenarkan meletakkan kenderaan di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan, manakala mana-mana kenderaan tidak berkenaan yang diletakkan di kawasan tersebut akan dipindahkan dan diletakkan di kawasan Balai Polis Belait.

Zon-zon yang dilarang untuk meletak kereta adalah, sepanjang Jalan Maulana daripada Helipad Los Tanjung sehingga ke persimpangan Jalan McKerron, Zon Parking VIP & Jemputan Khas (di belakang pentas diraja) dan zon-zon yang telah ditetapkan pas masuk ('A', 'B', 'C', 'D' & 'E'), sepanjang Jalan Sultan dari persimpangan Jalan McKerron sehingga ke persimpangan Jalan Dato Shahbandar dan sepanjang Jalan Padang dari simpang empat Jalan Padang / Jalan Sultan menuju ke Sekolah Rendah Kuala Belait.

Laluan alternatif untuk menuju ke Padang Bandaran dan zon-zon letak kereta dan letak kereta awam adalah dari Simpang Jalan Maulana masuk ke Jalan Panglima, sepanjang Jalan Panglima memasuki Jalan Bunga Raya dan Jalan McKerron dari Jalan Bunga Raya.

TAAT BERAGAMA MEMBAWA BERKAT

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.